

Jilid IV
Bil. 43



MALAYSIA

Hari Khamis
10hb November, 1994

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

Jilid IV
Bil. 43



MALAYSIA

Hari Khamis
10hb November, 1994

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7073]

USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 26 (1) [Ruangan 7108]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1995 [Ruangan 7109]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1995 [Ruangan 7109]



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA TERENGGANU
1999

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR
BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.
(Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P.,
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S.
(Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.G.S.M.,
D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S.,
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.S.S.A., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K., J.P. (Penampang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.S.S.A., D.I.M.P. (Jerantut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N., P.J.K. (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR T. MARIMUTHU, K.M.N., S.D.K. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATUK MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, D.S.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATUK S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).

Yang Berhormat TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

- „ DATUK HAJI IBRAHIM BIN ALI, D.M.S.M. (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS, D.I.M.P. (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUNG TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ DATUK MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).

- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.K., K.C.R.L., K.S.T.J., O.B.E. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY, P.G.D.K., A.S.D.K. (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP, D.S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

Yang Berhormat DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).

- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ CIK SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat** : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Pemangku Ketua Penolong Setiausaha** : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha Kanan** : Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penolong Penyunting : Hajah Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Su Soon Chuan.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

1950

1951

1952

1953

1954

1955

1956

1957

1958

1959

1960

1961

1962

1963

1964

1965

1966

1967

1968

1969

1970

1971

1972

1973

1974

1975

1976

1977

1978

1979

1980

1981

1982

1983

1984

1985

1986

1987

1988

1989

1990

1991

1992

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 10hb November, 1994

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat
Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan.

*(Soalan No. 1 — Y.B. Tuan Ahmad
Shukri bin Haji Hassan tidak hadir).*

JAWATANKUASA KABINET BAGI
ANTI-PENYELEWENGAN —
LAPORAN

**2. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji
Arshad** minta Perdana Menteri menyata-
kan:

- (a) sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kabinet bagi Anti-Penyelewengan, sila nyatakan bidang tugas dan tanggungjawabnya, had kuasa dan struktur organisasinya;
- (b) sila senaraikan ahli-ahli jawatankuasa itu sejak ia ditubuhkan jika ada rombakan dan pertukaran ahli;
- (c) pernahkah jawatankuasa itu mengeluarkan apa-apa laporan mengenai prestasi dan kegiatannya. Jika ada adakah ia boleh atau pernah diedarkan kepada ahli-ahli Dewan ini. Jika belum, adakah laporan mengenainya akan disediakan dan bila; dan

- (d) sila nyatakan adakah sebarang kesan setelah jawatankuasa itu wujud dan apakah kesan-kesan itu.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan
Perdana Menteri (Tuan Othman bin
Abdul):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bidang tugas Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pengurusan Kerajaan ini tertumpu kepada mengenai isu-isu yang berkaitan dengan prosedur dan sistem pengurusan kewangan dan pengurusan awam di agensi-agensi sektor awam. Jawatankuasa ini memastikan tindakan tatatertib dan tindakan mahkamah diambil terhadap kakitangan awam yang telah didapati menyeleweng, cuai dan menyalahgunakan kuasa. Jawatankuasa ini pula dianggotai oleh enam orang Menteri Kabinet dan dua orang pegawai tertinggi dalam perkhidmatan awam. Ahli-ahli Jawatankuasa ini terdiri dari Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Ahli-ahlinya ialah Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Y. Bhg. Ketua Setiausaha Negara dan Y. Bhg. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Setiausahanya ialah Pengarah Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keahlian jawatankuasa ini adalah mengikut jawatan dan ahli-ahlinya berubah jika berlaku perubahan penyandang.
- (c) Sejak jawatankuasa ini ditubuhkan dalam tahun 1988, dua laporan jawatankuasa ini telah dikemukakan untuk makluman Jemaah Menteri pada 2.3.1989 dan 1.4.1992. Adalah dianggap bahawa laporan jawatankuasa ini memadai dibincang oleh Jemaah Menteri dan tidak perlu diedarkan oleh Ahli-ahli Dewan yang mulia ini.
- (d) Sejak jawatankuasa ini ditubuhkan, beberapa kesan positif telah dapat dilihat. Sebagai contoh, tindakan tatatertib terhadap pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan berkurangan dari 0.3% dalam tahun 1990 kepada 0.2% pada tahun 1993.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya merasa hairan sedikit mengapa jawatankuasa ini hanya ditumpukan kepada salah guna kuasa kakitangan awam sahaja dan bidang kuasanya tidak meliputi ahli-ahli politik yang melakukan penyalahgunaan kuasa. Kalaulah jawatankuasa ini hanya ditumpukan kepada kakitangan awam, apakah bentuk jawatankuasa yang boleh menyiasat salah guna kuasa tentang orang-orang politik misalnya tentang kedudukan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri baru-baru ini?

Tuan Othman bin Abdul: Jawabnya ialah BPR.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu setakat ini berapakah jumlah yang dikenakan tindakan tatatertib dan adakah jumlah ini menaik atau

menurun sejak kita tubuhkan jawatankuasa ini. Yang kedua, adakah jawatankuasa ini dapat mempengaruhi BPR?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya jumlah bilangan kakitangan yang dikenakan tatatertib. Ini kalau hendak ditunjukkan memang ada. Misalnya dalam tahun 1990 seramai 1,306 jumlah kakitangan yang dikenakan tata-tertib. Pada tahun 1991 seramai 1,615 dan pada tahun 1992 seramai 1,185 dan 1993 hanyalah seramai 886. Ini menunjukkan bahawa dengan tertubuhnya jawatankuasa ini, pengurusan kewangan kerajaan dapat diperbaiki dengan jumlah tindakan yang telah diambil ke atas pegawai-pegawai ini telah pun berkurangan dari setahun ke setahun.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa ini memang bekerjasama dengan pihak BPR. Apabila sesuatu maklumat itu diterima dan dikaji, jika sekiranya bidang kuasa itu terletak di bawah BPR dan memangnya pihak BPR diberi kuasa, kadang-kadang kita mengambil tempoh tiga bulan untuk BPR mengambil tindakan terhadap rekomendasi yang dibuat oleh jawatankuasa ini. Ini menunjukkan bahawa kerajaan sememangnya mengambil sikap untuk melihat pengurusan wang kerajaan berjalan dengan baik, bukanlah seperti dakwaan parti-parti Pembangkang dalam negara kita.

KERETA PERODUA KANCIL — JUMLAH JUALAN/TEMPAHAN

3. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jumlah jualan dan tempahan Perodua Kancil sejak ianya dilancarkan Ogos lalu. Adakah kerajaan bercadang untuk memasarkan Kereta Perodua Kancil ke luar negara. Adakah ianya memenuhi standard negara serta potensinya di luar negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Datuk S. S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada maklumat Syarikat Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. bagi tempoh dari pertengahan Julai hingga 30hb September tahun ini sejumlah 13,103 unit kereta Perodua Kancil telah ditempah dan sejumlah 1,140 unit kereta tersebut pula telah didaftarkan. Adalah menjadi hasrat kerajaan dan juga Syarikat Perodua sendiri untuk mengeksport kereta tersebut terutamanya ke negara-negara sedang membangun seperti India, China, Vietnam serta beberapa negara lain di Amerika Selatan dan Afrika. Sebagai perancangan awal untuk maksud tersebut Syarikat Perodua kini sedang mengkaji bagi mendapatkan kelulusan supaya kereta Perodua Kancil memenuhi keperluan dan spesifikasi pihak kerajaan negara-negara pengimport bagi membolehkannya dieksport ke negara-negara tersebut.

Berhubung dengan standard bagi kereta tersebut, adalah didapati bahawa ianya telah memenuhi keperluan yang telah ditetapkan di Jepun dan beberapa negara maju lain di dunia.

Namun begitu, bagi kereta penumpang, setiap pasaran mempunyai standard variation serta spesifikasi yang berbeza untuk memenuhi keperluan serta kesesuaiannya dengan iklim dan cuaca di sesebuah negara tertentu. Sebagai contoh, kereta penumpang dari jenis yang sama yang digunakan di negara-negara Asia Barat mempunyai standard variation dan spesifikasi yang berbeza berbanding dengan yang digunakan di negara-negara Scandinavia. Oleh yang demikian, Syarikat Perodua perlulah menjalani kajian penyesuaian yang berasingan untuk setiap negara pengimport.

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selepas daripada Proton kita telah mengeluarkan

Perodua Kancil, dan kita mendapat maklumat bahawa akan ada lagi usaha sama pihak tempatan dengan syarikat-syarikat pengeluar kereta yang lain di negara luar yang bercadang untuk mengeluarkan lain-lain jenis kereta. Saya ingin membuat soalan sama ada apakah keistimewaan-keistimewaan akan diberi kepada kereta-kereta yang lain yang akan dikeluarkan oleh negara kita sama seperti mana keistimewaan yang diberi kepada Proton sekarang?

Soalan yang kedua ialah kita telah melihat Proton telah mampu bersaing dengan kereta-kereta luar negara, di mana Proton mendapat pasaran yang cukup baik di luar negara misalnya di Britain. Apakah kemungkinan kerajaan akan membiarkan persaingan ini berlaku dalam negeri, di mana Kerajaan berkemungkinan akan menurunkan cukai kepada kereta-kereta yang masuk ke dalam negara kita?

Datuk S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, keistimewaan yang telah pun diberi kepada kereta Proton dan juga Perodua akan diberikan kepada kereta-kereta yang akan dibuat dalam negara kita dengan usahasama dengan negara-negara lain seperti negara Perancis dan sebagainya. Saya rasa tidak ada perbezaan di atas keistimewaan yang akan diberi kepada lain-lain pembuat kereta dari lain-lain negara jika dibandingkan dengan apa yang telah pun diberi kepada negara Jepun.

Berkaitan dengan persaingan dalam negara untuk kereta-kereta daripada luar negeri, saya rasa taraf cukai yang sedang dikenakan di atas kereta-kereta yang sedang diimport dari luar negeri sedang dikurangkan dari peringkat ke peringkat untuk membolehkan kereta negara kita juga mencapai ke satu taraf di bawah mana mereka boleh bersaing dengan kereta-kereta yang telah dibuat di luar negeri.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, mengikut jawapan dari Yang Berhormat sebanyak 13,000 menunggu tempahan. Saya ingin bertanya berapa lamakah seseorang pembeli perlu menunggu pembeliannya dan adakah pengeluaran kereta Kancil telah menjejaskan perniagaan Proton dan kereta-kereta jenama seperti Toyota, Nissan dan Mazda di negara ini, memandangkan syarikat pemasangan dan pembekal tempatan telah membuat pelaburan yang begitu besar sebelum kereta nasional diperkenalkan?

Datuk S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang kita telah terima daripada Syarikat Perodua ialah permintaan di atas kereta Kancil itu begitu baik. Pada masa kini mereka yang menunggu ataupun penempahan di atas kereta begitu banyak, maka masa untuk menunggu bagi mendapat kereta baru ialah lebih kurang empat hingga lima bulan. Tetapi inilah satu perancangan yang tidak diharapkan oleh pihak Perodua, dan saya rasa pada masa-masa akan datang mereka akan mengambil tindakan untuk membesarkan dan juga untuk besarkan kilangnya untuk mengeluarkan lebih kereta bagi memenuhi permintaan daripada rakyat kita.

Atas soalan jika kereta Perodua boleh menjejaskan pasaran Proton, saya rasa ini tidak akan berlaku, oleh kerana pasaran untuk kereta Kancil ialah satu golongan yang berpendapatan bawahan dan tidak akan menjejaskan permintaan ke atas kereta Proton. Kereta Perodua ialah satu kereta yang kecil yang akan memenuhi apa yang perlu oleh keluarga sebagai suatu kereta yang kedua sahaja, bukan sebagai satu kereta yang pertama di atas keluarga-keluarga di mana permintaan sedang dipenuhi oleh kereta Proton.

KOD BAR — PENINGKATAN PRODUKTIVITI

4. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan bagaimana-kah penggunaan kod BAR boleh meningkatkan kecekapan, kualiti, daya saing serta produktiviti dan membantu membanteras inflasi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr. Sak Cheng Lum): Tuan Yang di-Pertua, kod BAR merupakan siri jalur hitam yang mewakili huruf atau nombor yang membolehkan alat "scanner" membacanya. Sistem kod BAR boleh mengenal pasti setiap perbezaan dalam sesuatu barangan, misalnya dari segi saiz dan warna; sama ada bahan mentah, barangan separa siap, barangan siap, barangan dalam perjalanan dan sebagainya. Melalui Pertukaran Data Elektronik (EDI), semua pihak dalam rangkaian perdagangan termasuk pembekal bahan mentah atau alat-alat pekilang, pemborong, pengusaha pengangkutan, peruncit dan bank boleh berkomunikasi antara satu sama lain dengan cepat dan tepat bagi membuat pesanan, penghantaran, penyediaan dan penjelasan invois dan dengan itu mempercepatkan lagi pengurusan perdagangan.

Secara khusus, pengeluar dan peruncit akan dapat mengesan dengan segera dan tepat penjualan sesuatu barangan, sama ada laris ataupun kurang laris dan dengan demikian dapat mengubahsuaikan pengeluaran dan pesanan mengikut permintaan. Ini dapat mengurangkan keadaan barangan daripada kehabisan stok atau berlebihan stok. Pesanan semula stok oleh peruncit dapat dilakukan secara automatik, dan dengan itu mengoptimalkan penggunaan rak-rak atau ruangan bagi barangan dengan lebih berkesan untuk memenuhi keperluan pasaran. Hasilnya, pihak pengurusan akan dapat memperingkatkan sistem kawalan stok dan produktiviti masing-masing.

Adalah jelas penggunaan sistem ini akan menjimatkan kos termasuk dari segi pengurusan tenaga pekerja untuk membuat kawalan, perkiraan stok dan pesanan, dari segi mengelakkan barangan daripada kehabisan stok dan berlebihan stok, pengurangan kesilapan mengira selain daripada kecurian atau kehilangan stok barangan. Peningkatan produktiviti dan penjimatan kos bagi jangka masa panjang diharapkan dapat dimanfaatkan menerusi penjualan barangan pada harga yang lebih stabil dan rendah. Dengan demikian, ia dapat membantu usaha-usaha kerajaan dalam membanteras inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya, penggunaan sistem kod BAR dan scanning dapat memberi maklumat yang tepat dan berguna kepada pihak-pihak yang terlibat dalam perniagaan. Malah, dalam suasana perniagaan yang semakin kompetitif, kompleks dan dinamik di samping mengambil kira proses liberalisasi dan globalisasi perdagangan dunia masa kini, penggunaan sistem ini menjadi semakin perlu bagi sesebuah perniagaan jika ingin terus kekal berdaya saing dan berdaya maju.

PENYELUDUPAN BAHAN NUKLEAR — KEMAMPUAN MENGAWAL

5. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan betapa seriusnya laporan perkembangan penyeludupan bahan nuklear dari Rusia ke Germany telah membimbangkan setiap kerajaan di dunia ini, nyatakan apakah langkah yang sedang dan akan diambil untuk mencegah kegiatan penyeludupan bahan nuklear yang mungkin menggunakan Malaysia sebagai saluran tengah untuk tujuan tertentu dan sejauh manakah alat kesan yang sedia ada dapat mengesan bahan plutonium 239 dan lithium 6 sejenis bahan bukan radioaktif untuk membuat bom neutron.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tiada apa-apa maklumat bahawa penyeludupan bahan nuklear dilakukan melalui negara ini. Kerajaan sentiasa mengawasi kegiatan tersebut dan jika ada, tindakan sewajarnya akan diambil.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu sama ada kerajaan kita mempunyai alat-alat yang dapat mengesan bahan-bahan nuklear yang masuk ke dalam negara kita seperti daripada pintu masuk di lapangan terbang ataupun pelabuhan atau di mana-mana tempat. Adakah alat-alat kita mampu untuk mengesan bahan-bahan nuklear atau tidak. Kalau boleh, nyatakan, kalau tidak boleh, apakah langkah-langkah akan diambil untuk menghadapi masalah ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk bahan-bahan radioaktif, ianya tidak boleh didedahkan kepada sesiapa termasuk pembawa kerana ia adalah suatu bahan yang sangat bahaya, ia boleh membunuh dengan serta-merta.

Jadi, kalau penyeludup ini dia terpaksa hendak membawa keluar masuk, dia kena masukkan bahan-bahan itu dalam satu kontena yang tebal, sekurang-kurangnya enam inci 'steel metalcase'nya. Kalau steel metalcase itu hendak dibawa keluar masuk tentulah kita boleh mengesan, untuk membawa case yang berat-berat itu hendak buat apa? Kalau sekiranya hendak 'detect' radioaktif kita memang ada alat-alat yang canggih, jadi selama ini tidaklah menjadi masalah.

MINI STADIUM SUKAN — PEMBINAAN

6. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan setakat manakah langkah-langkah yang diambil seluruh negara:

(a) mendirikan mini stadium sukan;

- (b) mencari bakat terpendam dalam semua lapangan sukan;
- (c) persediaan-persediaan menghadapi Sukan Komanwel; dan
- (d) kenapakah prestasi ahli-ahli sukan Malaysia meleset di Sukan Komanwel Kanada.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan mini stadium sukan pada masa kini bukanlah didirikan dan dikendalikan secara langsung oleh Kementerian Belia dan Sukan tetapi oleh pihak Kerajaan Negeri melalui Penguasa Tempatan. Pihak kementerian hanya menyumbangkan dari segi bantuan kewangan dan peralatan bagi tujuan penyelenggaraan mana-mana projek mini stadium yang berkenaan. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, sejumlah RM6.6 juta telah diperuntukkan kepada kementerian ini untuk membangunkan projek-projek di bawah kemudahan sukan bandar-bandar kecil. Walaupun peruntukan ini tidak dikhususkan untuk pembinaan mini stadium, namun melalui peruntukan ini kementerian telah turut menyumbangkan bantuan bagi pembinaan mini stadium. Walau bagaimanapun, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, kementerian ini sedang merancang untuk mendapatkan peruntukan yang lebih besar selaras dengan dasar kementerian sendiri di mana kemudahan sukan bersaiz kecil termasuklah pembinaan mini stadium akan dipertingkatkan selaras dengan peranan sukan sebagai satu alat bagi mencapai wawasan negara.

- (b) Kementerian Belia dan Sukan melalui pengurusan Majlis Sukan Negara, telah dan sedang melaksanakan beberapa projek khas khusus untuk mengenal pasti bakat-bakat terpendam dalam semua lapangan sukan. Projek-projek khas ini ialah:

(i) *Program Tunas Cemerlang:*

Program Tunas Cemerlang yang telah dilaksanakan pada tahun 1989 berjaya menubuhkan pusat latihan di sekolah dan mengenal pasti jurulatih-jurulatih yang mampu menjadi penggerak pembangunan sukan di kalangan atlit-atlit muda. Setakat ini Program Tunas Cemerlang mempunyai 2,334 atlit, 265 jurulatih dan 156 pusat di merata negeri yang melibatkan 6 jenis sukan iaitu olahraga, tenis, hoki, bola sepak, sepak takraw dan badminton.

(ii) *Program Bakat Golf:*

Pemain-pemain Program Bakat Golf telah berjaya dipilih oleh Persatuan Golf Malaysia menyertai sukan kebangsaan bersama-sama dengan pemain-pemain senior. Mereka telah menyertai beberapa kejohanan luar negeri yang ditaja oleh Sport Excel dan pemain-pemain ini sering menjuarai Sirkuit Golf Remaja Kebangsaan dan kejohanan terbuka peringkat negeri.

(iii) *Program Bakat Bowling:*

Pemain bowling sensasi negara Shalin Zulkifli adalah merupakan salah seorang

bekas pemain di bawah Program Bakat Bowling yang diperkenalkan pada tahun 1988. Beliau telah berjaya memperolehi 2 pingat emas untuk negara dalam Kejohanan Sukan Asia di Hiroshima baru-baru ini.

(iv) *Program Bakat Olahraga:*

Program Bakat Khas Olahraga telah ditubuhkan pada bulan Disember 1993 dengan tujuan untuk mengumpul atlit yang terbaik di seluruh negeri dan ditempatkan di bawah satu bumbung supaya dapat menjalani latihan secara sistematik dengan menggunakan kepakaran dari luar negara. Seramai 22 orang atlit dipilih dan ditempatkan di Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz Shah, Kajang, Selangor dan diberi latihan oleh empat orang pakar jurulatih dari luar negara.

(v) *Program Rakan Sukan:*

Program Rakan Sukan yang merupakan satu dari aktiviti Gaya Hidup Rakan Muda, akan memberi peluang penyertaan yang lebih merata kepada masyarakat termasuk di kampung dan di kota untuk menikmati dan menyertai kegiatan sukan.

(c) *Persediaan Sukan Komanwel sedang lancar dilaksanakan. SUKOM Ninety Eight Berhad selaku pihak yang bertanggungjawab ke atas urusan penganjuran telah mengambil beberapa langkah positif ke arah mempersiapkan diri sebagai penganjur.*

Beberapa seminar telah diadakan yang melibatkan penceramah-penceramah luar negara yang berwibawa.

SUKOM Ninety Eight Berhad juga telah menghantar satu rombongan pemerhati ke Sukan Komanwel Ke-XV di Victoria, Kanada baru-baru ini bagi mempelajari setiap aspek penganjuran yang telah dilaksanakan di sana untuk dijadikan sebagai panduan. Di samping itu, SUKOM Ninety Eight Berhad juga telah melaksanakan beberapa aktiviti sebagai kempen kesedaran kepada orang ramai seperti pelancaran setem kenang-kenangan pada 25hb Oktober 1994 yang lalu. Setem Pra Sukom ini akan dikeluarkan pada 10hb September tiap-tiap tahun sehingga 1998. Dari segi persediaan tempat atau venue pertandingan pula, kerja-kerja pembinaan berjalan lancar. Pembinaan venue utama iaitu Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil dijangka siap dan diserahkan pada 31hb Disember 1997.

Kemudahan-kemudahan baru yang lain yang akan dibina adalah sebuah Stadium Bola Jaring dan Gelanggang Bowling Padang di Bukit Kiara. Sementara kemudahan-kemudahan yang sedia ada yang akan diubahsuai dan naik taraf adalah melibatkan acara badminton, angkat berat, lumba basikal, menembak, hoki lelaki, hoki wanita, skuasy, ragbi, kriket dan tinju. Kerja-kerja ubahsuai dan naik taraf akan dilaksanakan tidak berapa lagi.

Akhir sekali jawapan kepada (d), Tuan Yang di-Pertua,

(d) *Kontinjen Negara Malaysia sebenarnya telah menunjukkan peningkatan pencapaian dari segi jumlah pungutan pingat sejak*

negara kita menyertai Sukan Komanwel pada tahun 1950 lagi. Penyertaan tahun 1994 telah berjaya meraih sejumlah 7 pingat iaitu 2 pingat emas, 3 perak dan 2 gangsa. Dan ini merupakan pungutan pingat yang terbanyak dan telah meletakkan Malaysia ke tangga yang ke-13 jika dibandingkan dengan pencapaian pingat pada tahun-tahun sebelumnya di mana pada tahun 1950 kita hanya mengutip 4 pingat — 2 emas, 1 perak, 1 gangsa.

Tahun 1954 — tiada pingat.

Tahun 1958 — 2 pingat perak.

Tahun 1962 — 1 pingat gangsa.

Tahun 1966 — 5 pingat iaitu 2 emas, 2 perak dan 1 gangsa.

Tahun 1970 — 3 pingat — 1 emas, 1 perak dan 1 gangsa.

Tahun 1974 — 4 pingat — 1 emas, 1 gangsa.

Tahun 1978 — 4 pingat — 1 emas, 2 perak dan 1 gangsa.

Tahun 1982 — 2 pingat — 1 emas dan 1 gangsa.

Tahun 1986 — tiada pingat.

Tahun 1990 — 4 pingat iaitu 2 emas dan 2 perak.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucap tahniah di atas jawapan yang panjang lebar dan cukup memuaskan. Tetapi saya hendak bertanya Yang Berhormat, bilakah kementerian, bilakah kerajaan, bilakah orang ramai akan berhenti untuk mengungkit-ungkit kelemahan sukan tetapi sebaliknya memberi tumpuan yang lebih ke arah membina sukan. Apakah bentuk sukan yang membolehkan orang-orang Islam menyertai bersama kerana pada masa ini kepimpinan PAS terutamanya, banyak mengharamkan mereka yang menyertai sukan oleh kerana dari segi pakaian.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, apakah pihak kerajaan bercadang untuk menswastakan mini stadium ini oleh kerana pada masa sekarang banyak acara-acara yang dibuat contohnya macam katakan big walk, larian sana larian sini yang tiap-tiap kali kita buat, jumlahnya sama dengan sebuah mini stadium. Jadi, apakah baik kalau kita swastakan pembinaan mini stadium iaitu tempat yang khas dan khusus untuk membolehkan ahli sukan kita berlatih dan sebagainya.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, negara kita mengamalkan demokrasi. Kita tidak boleh menghalang orang ramai mengkritik dan menegur mana-mana kementerian ataupun kerajaan.

Walau macam manapun, apa yang dapat kementerian lakukan ialah mencuba seberapa daya yang boleh untuk mengurangkan kritikan ataupun teguran daripada orang ramai mengenai kegiatan sukan di negara kita.

Mengenai peranan dan penyertaan parti PAS dalam sukan, saya merasa bangga kerana di akhir-akhir ini kita dapat melihat bahawa parti PAS sendiri telah pun banyak meniru UMNO menganjurkan pesta-pesta sukan dan juga Pesta Sukan Rakyat di tempat masing-masing. Ini satu perkembangan baru dalam kepimpinan PAS dan tahniah saya ucapkan.

Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat yang kedua, untuk menswastakan mini stadium dan mini sukan, saya rasa perkara ini kita serahkan kepada Kerajaan Negeri ataupun Penguasa Tempatan kerana mereka yang mengeluarkan perbelanjaan yang besar bagi membina mini-mini stadium yang berkenaan.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang kita lihat hari ini, kebanyakan

ahli-ahli sukan yang berjaya adalah mereka yang mendapat bimbingan khusus dari ibu bapa kerana daripada apa yang kita lihat bagaimana keluarga Dato' Sidek berjaya dalam badminton dan juga keluarga-keluarga yang lain. Begitu juga kebelakangan ini, kita tengok pemain bowling negara. Jadi, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen, adakah kementerian bercadang untuk mengadakan satu skim khusus untuk memberi bantuan kepada ibu bapa kerana kita lihat buat masa sekarang cuma yang ada ialah skim bantuan kepada peserta sukan tersebut. Tidak ada satu pun galakan kepada keluarga yang telah mendidik anak itu supaya berjaya. Itu sahaja soalan saya, terima kasih.

Dato' Ismail bin Said: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, ibu bapa memainkan peranan yang penting untuk menentukan kejayaan ahli atlit di negara kita dan mereka ini boleh dianggap sebagai role model atau contoh ikutan yang terbaik kepada atlit negara kita. Walau bagaimanapun, skim yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu, Kementerian Belia dan Sukan masih lagi belum memikirkannya tetapi di bawah Program Rakan Sukan, Kementerian Belia dan Sukan cuba memperkenalkan program ini ke akar umbi. Bukan sahaja melibatkan keluarga-keluarga yang berkenaan tetapi juga orang ramai supaya kita dapat mencungkil bakat-bakat baru dalam bidang sukan.

PAKATAN MENURUNKAN HARGA GETAH — SIASATAN

7. Tuan Saidin bin Adam minta Menteri Perusahaan Utama menjelaskan apakah tindakan kementerian ke atas pegawai Agensi Pengumpulan dan Pemasaran Getah Malaysia (MARDEC) yang berpakat dengan tauke kilang getah bagi menurunkan harga komoditi untuk

mengaut keuntungan berlipat ganda seperti yang terjadi di Pantai Remia baru-baru ini. Berapa lamakah kegiatan ini berjalan tanpa dikesan, berapa ramaikah pegawai yang terbabit dan nyatakan jumlah yang telah diperolehi.

17.11.94.

19. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah hasil penyiasatan terhadap pegawai MARDEC berpakat dengan tauke kilang getah bagi menurunkan harga getah untuk mengaut keuntungan berlipat ganda:

- (a) berapa aduan telah diterima oleh pekebun-pekebun kecil hingga setakat ini;
- (b) berapa penyiasatan telah diselesaikan;
- (c) berapa pegawai MARDEC dan tauke kilang getah terbabit dalam penipuan tersebut;
- (d) adakah agensi yang lain terlibat dalam gejala tersebut, jika ada, sebutkan siapa dan berapa;
- (e) apakah tindakan telah dan sedang diambil oleh kementeriannya; dan
- (f) apakah langkah yang berkesan untuk menjamin penipuan tersebut tidak diulangi lagi.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh pada 17hb November 1994 kerana kedua-dua soalan adalah mengenai perkara-perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tiga aduan mengenai harga getah telah diterima dari pekebun-pekebun kecil dalam masa beberapa bulan kebelakangan ini. Masing-masing satu dari Kalumpang di Selangor, Jerantut di Pahang dan Manjong di Perak. Aduan-aduan ini telah disiasat dan tiada bukti diperolehi yang menunjukkan adanya pakatan di antara wakil-wakil MARDEC, peniaga-peniaga getah mahupun pekilang-pekilang pemerosesan untuk menurunkan harga getah. Ini adalah lebih-lebih lagi jelas kelihatan dari wujudnya perbezaan di antara harga-harga yang ditawarkan oleh wakil-wakil MARDEC termasuk di antara mereka sendiri dan juga peniaga-peniaga dan kilang-kilang pemeroses.

Sungguhpun demikian, bagi kawasan-kawasan tertentu di mana didapati harga tawaran dilaporkan agak rendah, MRELB telah melonggarkan syarat-syarat yang dikenakan ke atas peniaga-peniaga getah termasuk wakil-wakil MARDEC, iaitu mereka dibenarkan menjual getah yang dibeli dari pekebun kecil kepada mana-mana kilang swasta ataupun kilang-kilang MARDEC. Ini adalah bertujuan menggalakkan persaingan di antara peniaga-peniaga itu termasuk wakil-wakil MARDEC. Di samping itu, Kementerian Perusahaan Utama juga telah mengarahkan MRELB untuk terus membuat pengawasan yang rapi bagi memastikan bahawa harga yang dibayar kepada pekebun-pekebun kecil adalah berpatutan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang masalah penoreh-penoreh getah yang memiliki ladang-ladang getah yang kecil di mana apabila mereka menjual hasil torehan getah mereka kepada pekilang-pekilang tersebut, adakah beliau sedar bahawa ini memang satu perkara yang lazim dilaporkan dalam semua surat khabar dan telah disebutkan

oleh Yang Berhormat Menteri sendiri pernah berlaku di mana harga yang dibayar oleh pihak tauke adalah jauh lebih rendah dari harga pasaran semasa dan sebagai satu contoh, satu aduan di Batu, Melaka di antara sempadan Negeri Sembilan dan Melaka.

Adakah beliau sedar bahawa semua aduan yang dibuat ini tidak berkesan kerana kebanyakan tauke kilang getah adalah orang politik kuat daripada parti MCA atau GERAKAN. Semua ini ditutup, tetapi yang sebenarnya berlaku ialah pengusaha-pengusaha kecil ini dinafikan hak untuk mendapat harga yang munasabah seperti pada beberapa bulan yang lepas di mana harga getah lebih RM2.10 sedangkan mereka dibayar jauh lebih rendah setakat RM1.60 atau RM1.70. Sungguhpun dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama bahawa harga yang berpatutan mesti dibayar tetapi ini tidak disusuli oleh tindakan. Kalau begitu, saya rasa tidak guna MARDEC lah. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian? Adakah satu jawatankuasa atau satu majlis akan ditubuhkan supaya apabila penganiayaan seperti ini dilakukan akibat kuasa monopoli mereka, mereka boleh menurunkan harga getah yang lebih rendah untuk memastikan pengusaha-pengusaha kecil ini dapat layanan dan harga yang berpatutan.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pandangan yang diberi oleh Kota Melaka agak tidak munasabah kerana sebagaimana yang saya katakan, kita tidak boleh membuat sesuatu pentafsiran secara umum. Apa yang penting, kalau ada apa yang berlaku sebagaimana saya katakan tiga aduan yang telah dibuat, kami telah siasat, tetapi didapati tidak ada bukti yang mereka ini berpakat di antara satu sama lain sebab tawaran harga itu berlainan. MARDEC

sama MARDEC sendiri pun berlainan. Tetapi kalau ada kawasan-kawasan sebagaimana dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia (MRELB) sanggup memberi pengecualian sebagaimana yang saya terangkan di bahagian akhir jawapan saya.

Jadi, saya rasa tidak usahlah DAP mengambil peluang sedikit-sedikit, UMNO, MCA dan sebagainya. Lebih baik kita bercakap business secara businesslah, jangan tidak ada modal. (*Ketawa*)

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu, apakah kriteria untuk menentukan sama ada bayaran bagi getah-getah itu kepada sesuatu harga yang berpatutan. Ini bergantung kepada kepekatan getah ataupun apa kriteria yang digunakan? Minta terangkan sedikit-sebanyak.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengetahui dengan lebih jelas, saya jemput Yang Berhormat untuk melawat MARDEC dan kita akan memberitahu dengan jelas. Tetapi pada kasarnya, pertama dari segi mutu kecairan dan yang kedua, jarak dengan pelesen-pelesen. Kalau jarak terlalu jauh menyebabkan kos pengangkutan tinggi, maka harga terpaksa diturun sedikit. Jadi, itu faktor yang besar yang saya sebutkan.

PEMINDAHAN TEKNOLOGI — INSENTIF DAN KEBERKESANAN

8. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) sama ada kerajaan setakat ini puas hati dengan kemajuan pemindahan teknologi oleh syarikat-syarikat asing kepada syarikat-syarikat yang dipunyai rakyat Malaysia sendiri;

(b) apakah syarat atau panduan yang diwajibkan dan cara kita monitor untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat asing benar-benar memindahkan teknologi kepada rakyat kita; dan

(c) apakah insentif yang kita adakan untuk menggalak pemindahan teknologi oleh syarikat-syarikat berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Datuk S. S. Subramaniam):
Tuan Yang di-Pertua,

(a) Proses pemindahan teknologi adalah merupakan satu perkara yang kompleks. Sejak tahun 70-an lagi, telah terdapat beberapa syarikat multinational yang beroperasi di negara ini di mana pelbagai cara pemindahan teknologi sebenarnya telah pun berlaku. Walau bagaimanapun ruang-ruang di mana pemindahan teknologi boleh dipertingkatkan lagi seperti:

- (i) mempercepatkan kadar pemindahan teknologi dari negara luar ke negara ini;
- (ii) mempertingkatkan penguasaan teknologi yang lebih tinggi seperti teknologi reka-cipta dan inovasi; dan
- (iii) menambah lebih ramai rakyat Malaysia memegang jawatan tinggi dalam syarikat-syarikat multinational corporations.

(b) Syarikat-syarikat yang diluluskan Lesen Pengilang di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 adalah disyaratkan supaya mendapat kelulusan kerajaan sebelum menandatangani sebarang perjanjian pemindahan teknologi. Ini bagi memastikan perjanjian-perjanjian tersebut berlaku adil

tanpa sebarang sekatan tidak berasas kepada syarikat-syarikat tempatan, juga bagi memastikan ianya selaras dengan kepentingan negara. Syarat ini dapat memastikan bayaran royalti adalah sepadan dengan tahap teknologi yang dipindahkan.

Terdapat beberapa jenis perjanjian pemindahan teknologi seperti Perjanjian Usahasama, Bantuan Teknikal, "Licensing dan Patent", "Know-how", "Trade Mark", "Turnkey and Engineering", Pengurusan, Perkhidmatan, Jualan, Pemasaran dan Pengedaran, Pembelian dan Pembekalan dan lain-lain.

Bagi tempoh di antara tahun 1975 hingga September 1994, kerajaan telah meluluskan sejumlah 2,310 perjanjian pemindahan teknologi. Dari segi perjanjian mengikut jenis industri yang paling banyak ditandatangani adalah Bantuan Teknikal iaitu 1,113 perjanjian; diikuti oleh "Licensing and Patent" sebanyak 303 perjanjian; Perjanjian Usahasama sebanyak 219; dan Pengurusan sebanyak 158 perjanjian. Adalah penting difahami bahawa walaupun syarat-syarat dan penilaian dibuat terhadap perjanjian pemindahan teknologi, namun kejayaan sebenar adalah bergantung kepada keupayaan dan kemampuan syarikat-syarikat tempatan untuk menyerap dan menguasai teknologi yang dipindahkan.

- (c) Keperluan guna tenaga mahir dan aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R & D) adalah penting bagi memastikan pemindahan teknologi benar-benar berlaku dan

untuk menerokai aspek teknologi yang lebih tinggi seperti inovasi dan teknologi reka bentuk. Selaras dengan hasrat tersebut, kerajaan telah memperkenalkan beberapa pakej insentif tambahan untuk menggalakkan kegiatan R & D iaitu:

- (i) galakan taraf perintis atau elaun cukai pelaburan sebanyak 100% bagi syarikat-syarikat R & D Kontrak;
- (ii) galakan elaun cukai pelaburan sebanyak 100% bagi syarikat-syarikat R & D;
- (iii) galakan elaun cukai pelaburan sebanyak 50% bagi syarikat-syarikat yang menjalankan penyelidikan dalam atau in-house research;
- (iv) menggalakkan kerjasama yang lebih erat antara pihak industri dan agensi-agensi penyelidikan seperti pihak universiti melalui program IRPA ataupun Intensification of Research in Priority Areas. Adalah diharapkan dengan kerjasama antara kedua-dua sektor ini, kita dapat mempertingkatkan kualiti R & D dan juga kemampuan untuk menyerap teknologi di kalangan rakyat negara ini.

Di samping memberi penekanan kepada aktiviti R & D, kerajaan juga menggalakkan industri-industri yang berasaskan teknologi tinggi. Tumpuan juga telah diberikan dalam memberikan latihan kepada para penyelidik dan ahli-ahli sains. Kedua-dua strategi ini diharapkan dapat menggalakkan pemindahan teknologi tinggi kepada syarikat-syarikat tempatan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, syarikat manakah yang tidak begitu bekerjasama untuk menyebarkan teknologi kepada rakyat negara kita — daripada negara mana? Bolehkah beliau memberikan jumlah dari segi nilai wang, pemindahan teknologi yang dibuat setakat ini?

Yang kedua, tentang insentif yang diberikan untuk menggalakkan pemindahan teknologi ke negara Malaysia, adakah pihak kementerian bercadang untuk memperkenalkan bahawa semua syarikat-syarikat dibenarkan mengambil pekerja 100% daripada luar negara? Kalau ya, bukankah ini bercanggah kerana ini diura-urakan? Bukankah ini bercanggah dengan tujuan pemindahan teknologi kepada rakyat tempatan?

Datuk S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perjanjian untuk pemindahan teknologi di atas perjanjian-perjanjian yang telah berlaku, kita telah menerima sebanyak 920 perjanjian daripada negara Jepun dan kita boleh menganggap negara Jepun telah menjadi negara yang utama di atas inisiatif yang telah diambil untuk pemindahan teknologi daripada negara Jepun ke negara kita.

Di atas soalan di mana syarikat-syarikat telah dibenarkan untuk mengambil pekerja-pekerja 100% dari luar negeri, saya rasa ini tidak benar oleh kerana sehingga masa kini, tidak ada mana-mana syarikat yang telah dibenarkan untuk mengambil 100% pekerja-pekerja daripada luar negeri walaupun mahir ataupun tidak mahir.

Dr. Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan pertama, saya terkejut dengan jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bukan Jepun yang menyumbang teknologi kepada negara ini.

Saya hendak bertanya, antara teknologi-teknologi yang disumbangkan kepada Malaysia, adakah teknologi-teknologi ini adalah dikatakan sofistikated atau teknologi rendah? Di dalam statistik ini, di antara transfer of technology agreement itu, berapa peratus adalah teknologi rendah dan berapa peratus adalah teknologi sofistikated?

Yang kedua, mengenai insentif-insentif yang spesifik yang mesti diberi kepada institusi atau kepada firma-firma — saya hendak bertanya, kenapa satu tabung R & D atau subsidi tidak diberi kepada firma-firma ataupun institusi-institusi swasta?

Datuk S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah saya katakan tadi ialah, kita telah mendapat 920 perjanjian di antara negara kita dan negara Jepun untuk memindahkan teknologi ke negara kita. Saya tidak menyatakan kita berpuas hati di atas apa yang telah berlaku di antara negara Jepun dengan negara kita. Sebenarnya kita boleh katakan di sini, kita masih tidak berpuas hati di atas pemindahan teknologi daripada negara Jepun ke negara kita dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menyatakan di atas perkara ini di dalam surat khabar dan saya rasa Yang Berhormat telah pun sedia maklum di atas perkara ini.

Peratus teknologi tinggi ataupun teknologi sofistikated dengan peratus teknologi rendah, pada masa ini kita tidak ada angka-angka untuk membahagikan apa yang menjadi teknologi tinggi dan apa yang menjadi teknologi rendah, tetapi saya rasa ini satu perkara yang kita boleh mengambil tindakan untuk mendapat tahu oleh kerana kerajaan sedang menumpukan untuk memindahkan lebih banyak teknologi sofistikated dan tinggi daripada luar negeri.

Soalan di atas insentif yang telah diberi, saya telah menyatakan tadi bahawa kerajaan sedang memberi insentif kepada mana-mana syarikat yang mempunyai bahagian R & D di dalam syarikat ataupun di luar syarikat. Mana-mana syarikat yang mempunyai satu bahagian R & D di dalam syarikat itu boleh menerima insentif yang telah saya katakan tadi iaitu 50% elaun cukai pelaburan itu. Inilah jawapan kepada Yang Berhormat.

LAWATAN ROMBONGAN BARISAN NASIONAL KE REPUBLIK RAKYAT CHINA

9. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid minta Menteri Penerangan menyatakan apakah benar pemergian Menteri Penerangan Malaysia ke negara China pada bulan September baru-baru ini antara lainnya untuk menjalinkan hubungan antara Barisan Nasional dan Parti Komunis negara tersebut. Apakah faedah hubungan ini kepada rakyat Malaysia. Apakah kerajaan bercadang untuk mengimport ideologi komunis ke negara ini selepas hubungan itu terjalin. Apakah tindakan ini ada hubungan dengan pendakwaan Shamsiah Fakeh, bekas pemimpin Parti Komunis Malaya di dalam media massa kita sehingga menyinggung perasaan rakyat dan bekas perajurit kita yang menjadi mangsa keganasan parti itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, rombongan Barisan Nasional yang telah melawat Republik Rakyat China baru-baru ini adalah di atas undangan Parti Komunis China. Pertemuan Menteri Penerangan dengan Parti Komunis China adalah di atas sifatnya sebagai Setiausaha Agung Barisan Nasional yang mengetuai rombongan tersebut.

Di antara hasil yang diperolehi ialah jaminan Presiden dan pemimpin-pemimpin Parti Komunis China bahawa RRC akan mengamalkan dasar "non-interference" iaitu tidak campur tangan dalam urusan kerajaan dan hal chwal negara Malaysia. Pihak pimpinan Parti Komunis China juga menyatakan hasrat negaranya mengekalkan keamanan bersama ataupun dengan izin, peaceful coexistence dengan Malaysia berdasarkan semangat saling menghormati di antara satu sama lain dan saling menghormati kedaulatan negara masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang mengimport ideologi komunis ke negara ini kerana apa yang diamalkan oleh Malaysia sama ada dari sudut pemerintahan ataupun pembangunan negara dan pembangunan insan di dalamnya adalah yang terbaik di dunia yang mampu menjadi contoh untuk diteladani oleh negara-negara dan pemerintahan-pemerintahan lainnya.

RRC sendiri tidak bercadang mengeksport ideologi tersebut memandangkan ia sendiri sedang pesat membangunkan ekonominya mengikut sistem ekonomi yang lebih terbuka. Malah pemimpin-pemimpin RRC berusaha bersungguh-sungguh untuk mempertingkatkan hubungan ekonomi dengan Malaysia tanpa mengambil kira ideologi masing-masing.

Tuan Wong Wing On: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya memang sokonglah sebarang usaha untuk mempereratkan hubungan di antara negeri China dan Malaysia. Tetapi apa yang saya tidak faham ialah

Seorang Ahli: You sokongkah?

Tuan Wong Wing On: Di antara dua negara. Parti itu lain hallah. Barisan Nasional dengan Parti Komunis China itu lain hallah. Di antara negara dan rakyatnya biarlah. Tetapi apa yang saya hendak

tahu ialah sama ada Barisan Nasional ada menandatangani apa-apa perjanjian hitam putih dengan Parti Komunis China. Jika ada, apa kandungannya?

Soalan tambahan kedua ialah, sama ada kerajaan akan mengikut prinsip yang sama untuk membenarkan parti-parti politik lain di negara ini untuk menjalin hubungan di antara parti dengan parti dengan parti-parti yang lain di luar negeri seperti Parti Komunis Rusia atau parti Islam, parti kapitalis atau parti-parti apa-apa? Adakah prinsip ini ditegakkan? Kebebasan parti-parti lain selain dari Barisan Nasional untuk menjalin hubungan di antara parti dengan parti-parti berideologi lain.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sama ada Barisan Nasional menandatangani perjanjian dengan parti-parti komunis, itu bukan hak DAP untuk mengetahuinya. *(Ketawa)* Hal itu boleh tanya dengan Barisan Nasional. Saya tidak ada mandat hendak jawab bagi pihak Barisan Nasional.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, sama ada parti-parti lain terjamin kebebasan untuk mengeratkan hubungannya, Kerajaan Malaysia tidak pernah menyekat. Kalau sekiranya Parti DAP hendak membuat perhubungan dengan parti umpamanya di Golok atau di Haadyai, silakan. Kita tidak ada halangan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan tahniah kerana sekurang-kurangnya Barisan Nasional telah memperjelaskan bahawa mereka tidak akan mengimport ideologi komunis daripada negeri China ataupun mana-mana negeri. Apakah kerajaan atau kementerian Yang Berhormat bercadang untuk membuat sedikit penyiasatan berhubung dengan PAS, sebuah Parti

Islam yang bekerjasama dengan Semangat 46 iaitu parti yang mengamalkan assabiah ataupun semangat kebangsaan dan juga DAP yang ada hubungan-kait prinsip perjuangannya dengan sebuah negara jiran? Apakah satu kajian khusus akan dibuat untuk dimaklumkan kepada orang ramai bahawa perbuatan PAS ini sekarang ini telah melanggar prinsip-prinsip perjuangan mereka sebagai Parti Islam?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Saya boleh jawab. Malahan kalau hendak jawab ini pada rapat umum lagi baik. Sekarang ini tidak berapa ramai yang dengar. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu manifestasi Parti PAS sebagai "the most inconsistent party in the world". *(Ketawa) (Tepuk)* Sebab dalam tangan kanannya dia kata berdosa, tangan kiri dia buat. Dia mengatakan bahawasanya halal bagi dia bercampur dengan Parti Semangat 46 tetapi haram bercampur dengan UMNO sedangkan usaha-usaha parti UMNO dan Barisan Nasional untuk membawa kepada penjurusan kaedah kerajaan dan rakyat yang diredha oleh Allah S.W.T. adalah lebih daripada apa yang dilakukan oleh PAS selama ini. *(Tepuk)* Jadi, oleh itu Tuan Yang di-Pertua, bagi saya memanglah pada pandangan saya inconsistency itu dapat diperlihatkan.

Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, sama ada apakah perkara-perkara yang telah menakjubkan rakyat China khususnya Parti Komunis China terhadap lawatan rombongan Barisan Nasional beberapa bulan yang lalu; di antaranya mereka merasa kagum dan mahu mempelajari bagaimanakah hebatnya negara Malaysia mencapai pembangunan ekonomi. Mereka juga kagum bagaimana pencapaian ekonomi yang laju itu dapat diheret bersama keuntungannya dan diagih dengan saksama kepada rakyat jelata.

Mereka juga telah bertanya bagaimana kerajaan dan pemerintahan Malaysia ini dapat so tolerance towards the vices of the Opposition. *(Ketawa) (Tepuk)* Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pun ikut bersama. Betulkah tidak? *(Sambil memandang kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna)*

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr. Sak Cheng Lum): Betul! *(Ketawa)*

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Dan di antara lain banyaklah perkara-perkaranya yang di antara lain mereka mengatakan mereka berasa hairan bahawasanya, "in the power of the majority there is no oppression of the minority". Itu perkara yang memang mereka kagum. Banyak lagi perkara-perkara yang lain Tuan Yang di-Pertua bagaimana kita mencapai matlamat pembangunan ekonomi kebendaan di samping kita menjaga dan mengheret sama pembangunan insan ataupun pembangunan mental, sikap dan jiwa rakyat Malaysia itu sendiri. Malahan Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak ceramahkan bagaimana manfaatnya, saya rasa tiga hari pun tidak habis. Maknanya Barisan Nasional memang cukup berjasa kepada rakyat. *(Tepuk)*

'INFORMATION SUPER HIGHWAY' — PENGGERAK REVOLUSI MAKLUMAT

10. Dr. Nawawi bin Mat Awin minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan dasar kerajaan mengenai revolusi maklumat yang berlaku di dunia sekarang, khususnya apa yang

disebut "Information Super Highway" dan perancangan dan tindakan yang diambil supaya rakyat Malaysia tidak ketinggalan dan dapat menyertainya dengan kos yang berpatutan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi dasar kerajaan untuk menggunakan teknologi maklumat sebaik mungkin bagi meningkatkan daya saing negara. Information Super Highway merupakan penggerak utama dalam revolusi maklumat masa kini. Antara tindakan yang telah diambil supaya rakyat Malaysia tidak ketinggalan dalam kegiatan berkaitan Information Super Highway ialah pelaksanaan Projek JARING (Joint Advanced Research Integrated Networking Project). Melalui projek ini, nod-nod (access points) telah dipasang di hampir setiap negeri di Malaysia untuk membolehkan orang ramai mendapat maklumat dari dalam dan luar negeri dengan kos yang berpatutan.

Rangkaian JARING bersambung kepada dunia luar melalui talian telekomunikasi berkelajuan tinggi (Internet). Langkah-langkah sedang diambil untuk mempelbagaikan kandungan maklumat tempatan yang boleh dicapai melalui JARING dengan kerjasama organisasi awam dan swasta.

Untuk masa akan datang MIMOS dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan terus berusaha bagi meningkatkan keupayaan rangkaian ke arah mewujudkan Information Super Highway yang setanding dengan negara maju dari segi kelajuan dan kandungan rangkaianannya.

Tuan Wong Wing On: Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan tambahan. Yang pertama ialah mengenai revolusi maklumat (information revolution). Adakah

kerajaan bercadang untuk mempertingkatkan revolusi ini dengan membenarkan rakyat memasang parabolic antennae yang sehingga kini masih diharamkan kerana parabolic antennae ini adalah satu alat yang paling baik untuk rakyat Malaysia yang mahu lebih maklumat dari seluruh dunia, untuk mendapat maklumat yang mereka suka dan dengan sebebas-bebasnya.

Yang kedua ialah, adakah undang-undang di negara ini seperti Printing Act dan sebagainya yang menyekat kebebasan maklumat ini? Adakah ianya secocok dengan kehendak kerajaan untuk membina satu masyarakat yang berilmu dan bermaklumat?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Jawapannya masa sekarang tidak ada cadangan.

Dr. Nawawi bin Mat Awin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut bahawa kerajaan akan menentukan supaya maklumat ini akan dicapai kepada semua rakyat dengan harga yang munasabah. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan pada ketika ini, berapakah yuran atau bayaran yang perlu dibayar oleh rakyat Malaysia untuk menggunakan Jaring (net) ini untuk mencapai Internet?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Bagi individu, mereka cuma dikenakan bayaran RM300 setahun dan kepada pelajar pula, bayarannya ialah RM150 sahaja setahun.

KOPERASI BERDAFTAR — BILANGAN

11. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:

- (a) bilangan koperasi yang didaftarkan dan masih aktif sehingga kini;

- (b) bidang-bidang perniagaan yang diceburi dan mengapa terdapat koperasi yang tidak aktif; dan
- (c) mengapa penubuhan koperasi di kalangan pekerja-pekerja industri kurang berjaya dan adakah usaha-usaha dibuat untuk menggalakkan lagi penubuhan koperasi yang melibatkan pekerja-pekerja industri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Mohd. Noh bin Rajab): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan koperasi yang didaftarkan sehingga bulan September tahun ini ialah 3,451 buah dan dari jumlah tersebut, 3,099 darinya masih aktif.
- (b) Bidang-bidang perniagaan yang diceburi ialah pengguna, kredit dan bank, pengangkutan, perumahan, pembinaan, perladangan, perindustrian, insurans dan perkhidmatan.

Terdapat koperasi-koperasi yang tidak aktif kerana:

- (i) kelemahan dari segi pengurusan;
- (ii) masalah kewangan untuk membiayai operasi koperasi;
- (iii) kurang penglibatan anggota iaitu ahli dalam perjalanan koperasi;
- (iv) masalah perakaunan yang tidak kemas kini; dan
- (v) jarang mengadakan mesyuarat sama ada mesyuarat anggota lembaga mahupun mesyuarat agung tahunannya.

- (c) Penubuhan koperasi di kalangan pekerja-pekerja industri sebenarnya telah berjaya kerana bilangan koperasi meningkat dari 27 pada tahun 1991 kepada 41 pada bulan Jun tahun ini. Bilangan ahli pula bertambah daripada 15,832 pada tahun 1991 kepada 24,603 pada bulan Jun tahun ini. Jumlah saham meningkat dari RM18,616,990 pada tahun 1991 kepada RM25,937,761. Jumlah harta pula bertambah dari RM32,890,647 pada tahun 1991 kepada RM38,809,393.

Walaupun bagaimanapun, penubuhan koperasi secara meluas di kalangan pekerja masih memerlukan masa kerana:

- (i) konsep koperasi adalah satu konsep yang baru kepada mereka.
- (ii) pihak pengurusan syarikat, terutamanya bagi syarikat, dengan izin, parent company, berada di luar negara perlu diyakinkan dan badan koperasi tidak akan menyusahkan mereka; dan
- (iii) pekerja-pekerja belum sanggup mengendalikan koperasi.

Usaha-usaha menggalakkan lagi penubuhan koperasi di kalangan pekerja diteruskan dengan beberapa langkah seperti memberi tumpuan kepada syarikat yang benar-benar berminat dan memberi maklum balas yang positif untuk menubuhkan koperasi dan mengadakan usaha penyelarasan dan kerjasama dengan beberapa kementerian berkaitan seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Sumber Manusia serta Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1 dan 12 hingga 34 adalah dijilid dalam buku berasingan)

USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 26 (1)

3.35 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di bawah Peraturan 26 (1) (c) dan juga 26 (1) (h) iaitu untuk membawa dua Usul di atas tindak-tanduk dua orang Ahli Parlimen iaitu Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang dan juga Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching yang saya fikir bukan sahaja memalukan negara tetapi juga institusi Parlimen. Malah ianya melanggar prinsip Perlembagaan di bawah Perkara 10 yang membenarkan kebebasan bercakap tetapi tidak membenarkan perkara-perkara yang menghina mahkamah, fitnah dan juga perbuatan yang mengapi-apikan supaya dilakukan sesuatu kesalahan. Jadi, Perlembagaan Persekutuan daripada Perkara 10 (2) (a) memberi kuasa kepada Parlimen dengan undang-undang untuk mengambil tindakan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, habiskah?

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak habis lagi tetapi bolehkah saya teruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jikalau sekiranya Yang Berhormat hendak bawa perkara di bawah 26 (1) (c) dan (d).

Tuan Shahidan bin Kassim: (1) (h).

Tuan Yang di-Pertua: (1) (h)kah? Di bawah 26 (1) itu sudah pun kita putus dahulu. Kita telah pun mengadakan satu

ruling iaitu 26 (1) itu tidak memerlukan Pemberitahu. Jadi, Yang Berhormat kenalah buat satu Usul untuk dimasukkan ke dalam Aturcara Mesyuarat tetapi tidak payah diadakan satu Pemberitahu. Kemudian akan dibincangkan oleh Mesyuarat ini mengikut Peraturan 14 (1) iaitu perkara-perkara kerajaan hendaklah didahulukan. Yang itu kita telah pun tetapkan dahulu. Sudah lama ditetapkan.

Beberapa Ahli DAP: Ini tidak tahu-kah?

Tuan Shahidan bin Kassim: Tak apa. Saya akan bawa pada Isnin ini. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Sila Setiausaha.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1995

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1995

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Rang Undang-undang Perbekalan 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

"Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Empat Belas Bilion, Empat Ratus Dua Juta, Sembilan Ratus Enam Puluh Enam Ribu dan Tujuh Ratus (RM14,402,966,700) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1995, dan bagi

tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau 'P' dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1995 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 Tahun 1994, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut". *(9hb November, 1994)*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti yang telah pun kita putuskan semalam, pada hari ini saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat berucap setakat tidak lebih daripada 15 minit. Yang Berhormat dari Telok Intan. Sila, teruskan. Yang Berhormat ada 15 minit.

Tuan Ong Tin Kim (Telok Intan): Tuan Yang di-Pertua, semalam saya diberi 20 minit, bukan 15 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, semalam Yang Berhormat berucap 4 minit.

Tuan Ong Tin Kim: Setengah minit sahaja. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Sepatutnya 15 minit sahaja.

3.38 ptg.

Tuan Ong Tin Kim (Telok Intan): Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan objektif Belanjawan ini, ini telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan semasa beliau membentangkan Belanjawan ini, saya tidak berhajat mengulangi di sini.

Berkenaan sasaran Belanjawan ini adalah ternyata iaitu pertama, membanteras inflasi. Kedua, masalah sumber tenaga manusia yang sangat-sangat diperlukan untuk pembangunan ekonomi negara kita. Ketiga, masalah membina satu masyarakat progresif dan seimbang.

Ketiga-tiga sasaran tersebut dikenal pasti adalah mustahak untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan mampan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin untuk membincang objektif dan sasaran Belanjawan 1995 satu demi satu kerana masa tidak mengizinkan saya. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, untuk tujuan mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh selain daripada peruntukan yang besar untuk pembangunan infrastruktur, Belanjawan 1995 telah memperuntukkan sejumlah RM1 bilion untuk mewujudkan satu "Tabung Pelaburan Domestik". Tabung ini bertujuan, antara lain, untuk merangsang pelaburan tempatan terutama sekali, terutamanya Industri Kecil dan Sederhana (SMI).

Untuk menggalakkan modenisasi teknologi, penyelidikan dan juga pembangunan barang-barang jenama Malaysia serta meningkatkan pemasaran di antarabangsa. Peruntukan khas sejumlah RM71.6 juta juga dikhususkan untuk memajukan dan mempertingkatkan infrastruktur asas bagi SMI.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini sektor perkilangan iaitu manufacturing sector adalah locomotive, dengan izin bagi pembangunan ekonomi negara kita. Industri Kecil dan Sederhana (SMI) adalah tulang-belakang sektor perkilangan iaitu manufacturing sector. Mengikut anggaran lebih daripada 70% keuntungan dari eksport adalah keuntungan dari sektor ini. Sumbangan sektor ini iaitu SMI kepada pertumbuhan ekonomi negara kita tidak dapat dinafikan.

Tuan Yang di-Pertua, sudah lama Industri Kecil dan Sederhana ditinggalkan dan dibiarkan untuk "struggle on their own for survival", dengan izin. Sudah sampai masanya kerajaan menumpukan penekanan industri sektor ini.

Saya mengalu-alukan cadangan Belanjawan 1995 untuk mewujudkan tabung ini yang bertujuan membantu dan menggalak industri sektor SMI. Saya juga harap perusahaan dari industri sektor ini akan menyambut baik langkah ini dan mengambil peluang ini untuk memodenisasikan kilang-kilang mereka supaya dapat mempertingkatkan produktiviti dan kualiti pengeluaran mereka demi mempertingkatkan kemampuan persaingan barang-barang keluaran mereka di pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 20.6% daripada jumlah peruntukan tahun 1995 atau sejumlah RM10.31 bilion dicadangkan untuk maksud pendidikan dan latihan; peruntukan yang besar sekali dalam belanjawan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya akan gagal dalam tugas saya sekiranya saya tidak membangkitkan masalah kekurangan guru-guru yang terlatih. Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun, setiap Belanjawan sebahagian besar peruntukan setiap tahun telah diperuntukkan untuk maksud pendidikan, tetapi malangnya keadaan kekurangan guru-guru yang terlatih bertambah buruk tahun demi tahun. Masalah ini telah lama wujudnya sejak 15 tahun dahulu dan sampai hari ini, kita tidak dapat mengatasi masalah ini, bahkan masalah ini makin tahun semakin bertambah buruk.

Saya tidak faham, mengapa kita boleh mengatasi segala-gala masalah, masalah inflasi, masalah kemerosotan ekonomi; kita boleh membina jambatan Pulau Pinang, sebuah jambatan yang panjang sekali di Asia; kita boleh membina KL Tower yang dikatakan tower yang paling tinggi sekali di rantau ini, kita boleh membina highway yang paling bagus. Tetapi kita tidak dapat melatih guru-guru yang cukup untuk sekolah-sekolah kita, bahkan bukan satu tahun, dua tahun,

tetapi lebih daripada 15 tahun, anehkah tidak? Pada pandangan saya, soalnya bukan boleh atau tidak, soal yang benar adalah hendak atau tidak, adakah kezazaman ataupun tidak. Kalau kita ada berkehendak soal ini boleh diatasi dalam dua atau tiga tahun, kalau tidak berkehendak 1,000 tahun pun tidak dapat kita menyelesaikan hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal pendidikan, penekanan telah diberi khusus untuk pembangunan sumber manusia. Selain dari sebahagian besar daripada peruntukan bagi pendidikan diutamakan khususnya untuk mempertingkatkan taraf kolej-kolej teknikal dan vokasional, membina kolej teknikal baru, satu program komprehensif iaitu Program Bertindak Bersepadu juga dirancangan untuk tujuan membina tenaga kerja mahir dan separa mahir. Ini menunjukkan kesedaran dan penekanan yang diberi kepada pembangunan sumber daya manusia yang selalu digelar kunci kepada pembangunan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, betapa baik dan bijaksana pun polisi boleh dirancangan, tetapi jikalau dalam pelaksanaan polisi ada penyelewengan ia tidak akan membawa manfaat seperti yang dirancangan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, berbilion-bilion telah diperuntukan setiap tahun untuk maksud pendidikan. Selama ini Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah-sekolah Tamil di estet-estet, Sekolah Jenis Kebangsaan seperti St. Anthony di Ipoh, Kuala Lumpur, Telok Intan — kawasan saya — Sekolah Menengah Perempuan Convent di Pulau Pinang, Sekolah Holy Methodist, Telok Intan, Sekolah Menengah Chung Ling dan Sekolah Menengah Perempuan Kuen Cheng, di Kuala Lumpur. Sekolah-sekolah yang saya sebutkan tadi keadaannya sangat sedih dan sangat mengecewakan,

bumbungnya runtuh, dindingnya retak, sekolah-sekolahnya seolah-olah akan runtuh, syilingnya bocor dan meja kerusi capek kakinya. (*Ketawa*) Sekolah-sekolah tersebut tidak dapat peruntukan yang cukup untuk memperbaiki bangunan mereka dan menggantikan kerusi-meja yang buruk dan rosak. Alasan-alasan yang diberi ialah sekolah ini adalah sekolah bantuan-separuh kerana tanahnya bukan kepunyaan kerajaan dan kerajaan tidak boleh buat apa-apa. Saya tidak faham logik ini.

Pihak sekolah-sekolah telah dengan sudinya memberi tanah mereka, bangunan mereka kepada kerajaan untuk tujuan pendidikan. Atas sumbangan mereka kerajaan telah jimat bukan berjuta-juta, tetapi bilion-bilion kerana sumbangan mereka dalam bentuk tanah dan bangunan. Kita tidak mengucapkan terima kasih kepada mereka, melainkan bila bangunan itu rosak hendak diperbaiki, kita kata ini sekolah bantuan-separuh, kita tidak boleh buat apa-apa, apakah logik ini? Saya tidak faham. Jikalau duduk di rumah orang lain, tuan punya itu sudi benar kita duduk rumahnya percuma “free of charge”, sampailah hati kita enggan memperbaiki rumah yang kita duduk selama ini jikalau dia rosak. Saya merayu kepada kerajaan khasnya Kementerian Pendidikan supaya hapuskan semua sekali perbezaan antara sekolah bantuan-separuh dan sekolah bantuan-penuh.

Sebarang peruntukan harus diagihkan kepada mana-mana sekolah berasaskan keperluan sekolah-sekolah itu tanpa mengira ia sekolah bantuan-separuh atau penuh. Peruntukan seharusnya diagihkan dengan cara adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi, saya ingin membangkitkan di sini, perkara ini juga menunjukkan penyelewengan dalam pelaksanaan boleh menjejaskan tujuan yang baik satu polisi atau satu akta. Perkara ini ialah perkara pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah.

Sebelum pindaan Akta ini diluluskan di Dewan yang mulia ini, dalam sesi dialog dengan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan juga dalam dialog dengan bekas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya dan beberapa rakan saya telah berulang kali menyuarakan kebimbangan dan keraguan kita tentang pindaan yang dicadangkan. Kerana pindaan yang dicadangkan itu memberi kuasa yang tidak terbatas dan absolute, dengan izin kepada Pihak Berkuasa Negeri. Kuasa yang absolute dan tidak terbatas boleh disalahgunakan, setelah diambil kira kelemahan manusia biasa. Perkara yang terjadi dalam 2-3 tahun kebelakangan ini telah terbukti dengan nyatanya beberapa kes pengambilan tanah bukannya untuk kepentingan orang ramai, bukannya untuk pembangunan negara kita, bukannya untuk pembangunan seperti mana yang disebut atau dimaksudkan dalam akta itu, tetapi adalah salahguna kerana ia disalahgunakan kuasa yang diamanahkan kepada mereka.

Ketika menyuarakan kebimbangan saya tentang pindaan akta ini, saya telah berkata, "kepunyaan individu" (private-ownership), dengan izin, adalah salah satu pillar kepada sistem demokrasi yang kita amalkan.

Pemberian kuasa yang absolute itu kepada mana-mana pihak juga untuk melanggar kepunyaan individu akan menjejaskan sistem demokratik yang kita amalkan. Saya ingin ulangi sekali lagi dalam Dewan yang mulia ini percakapan saya itu dan saya merayu kepada kerajaan supaya akta ini dikaji semula. Kes-kes di mana pengambilan tanah yang tidak adil patut dibetulkan dan tindakan sewajarnya harus diambil atas mana-mana pihak yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, tidak lama lagi kita akan masuk Abad ke-21; satu abad yang berteknologi tinggi, dan satu zaman penuh dengan cabaran. Dengan penuh

kesedaran bahawa sains dan teknologi adalah prasyarat untuk mempertingkatkan kemampuan negara kita bersaing di dunia dalam Abad ke-21, Belanjawan 1995 buat pertama kalinya memperuntukkan satu peruntukan yang agak besar, iaitu sejumlah RM213 juta untuk maksud Penyelidikan dan Pembangunan (R & D).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung, ya.

Tuan Ong Tin Kim: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Peruntukan sejumlah RM213 untuk R & D ini menunjukkan pandangan yang jauh dan bijaksana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Timbalannya dan pemimpin-pemimpin negara kita. Sebaliknya kita dapati ada setengah-setengah golongan kakitangan kerajaan kita yang masih jauh ketinggalan. Mereka masih konservatif. Satu contoh, iaitu di industri kecil, graduan-graduan dari Taiwan sebenarnya selama ini menjadi tulang belakang dalam proses memodenisasi sektor industri ini. Tetapi pengiktirafan ijazah-ijazah Universiti Taiwan sampai hari ini tidak diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, bukan maksud saya hendak cadang pengiktirafan diberi dengan otomatik dan keseluruhan, tetapi langkah-langkah harus diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk membuat tinjauan dan penilaian ke atas universiti-universiti dan kolej-kolej di Taiwan, India, Korea dan Jepun supaya pengiktirafan diberi kepada universiti-universiti di negara-negara tersebut yang didapati sesuai. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dengan berani telah mengesyorkan supaya Malaysia dijadikan pusat pendidikan untuk seluruh Asia. Bahkan kita berhasrat menjadikan Malaysia menjadi pusat sains dan teknologi bagi Asia. Ini adalah visi-visi yang indah dan mulia. Bagaimana kita hendak menjadikan pusat penyelidikan dan pusat sains dan teknologi sekiranya

kita enggan memberi pengiktirafan kepada ijazah-ijazah universiti di Taiwan, Jepun, Korea dan lain-lain kawasan. Bagaimana kita dapat menarik penuntut-penuntut cemerlang ke institusi-institusi pengajian tinggi kita sekiranya kita tidak beri pengiktirafan kepada ijazah-ijazah mereka.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kementerian Pendidikan agar tindakan-tindakan segera diambil supaya perkara ini dapat diselesaikan.

Satu perkara lagi saya pernah bangkitkan dalam Dewan ini ialah berkenaan dengan kesesakan di pejabat-pejabat kerajaan dan sikap segelintir pegawai-pegawai. Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri kerana beberapa langkah telah diambil dan keadaan kesesakan di Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendaftaran Negara telah bertambah baik. Tetapi ada juga pejabat-pejabat kerajaan lain dan segelintir pegawai-pegawai kecil sikapnya tidak berubah lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk.

Beberapa Ahli: (*Bangun*) (*Ketawa*)

Tuan Ong Tin Kim: Ya. Saya mengucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kerana dapat membentangkan satu Belanjawan yang sangat berani dan juga berobjektif tegas dan sasaran yang tepat. Saya pohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tawau.

3.54 ptg.

Tuan Geoffrey Yee Ling Fook (Tawau): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merakamkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap mengenai Belanjawan 1995 yang mana telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada 28hb Oktober di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada orang yang menyangka bahawa Malaysia telah maju sejak 10 tahun yang lalu, keduanya sekali, antarabangsa dan ekonomi. Ini adalah di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dan pemimpin-pemimpin komponen Barisan Nasional dengan kerjasama seluruh rakyat Malaysia menjadikan nama Malaysia begitu terkenal dan meneruskan persahabatan dengan negara-negara lain. Bukan sahaja di Asia, tetapi juga di negara-negara Afrika dan lain-lainnya seperti ekonomi, kemajuan, pembangunan yang juga cepat maju dan kukuh dalam South East Asia.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tujuh tahun berterusan perkembangan pembangunan Malaysia tidak kurang dari 8% dan ini adalah tertinggi dalam dunia. Yang Berhormat Dato' Setiausaha Agung Barisan Nasional merangkap Menteri Penerangan Malaysia telah membawa semua Setiausaha-setiausaha Agung Barisan Nasional ke negara China pada bulan September lalu. Pemimpin-pemimpin tertinggi China sangat kagum dengan pencapaian kemajuan ekonomi Malaysia. Mereka ingin tahu rahsianya bagaimana Malaysia dapat mencapai kemajuan tersebut. Saya sebagai Ahli Dewan Rakyat dan rakyat Malaysia berasa sangat bangga dengan pencapaian ini. Kita mestilah seterusnya menyokong demi negara kita untuk mencapai matlamat Wawasan 2020.

Saya bersukacita melihat penganggur sekarang telah menurun kepada 2.9%. Ini adalah membuktikan bahawa pembangunan dan ekonomi begitu baik lagi cepat. Bilangan muda-mudi kita tidak berminat bekerja sebagai buruh kasar. Mereka lebih ramai bekerja di pejabat-pejabat dan syarikat-syarikat kerana pembayaran gaji lebih tinggi. Di Sabah ramai pemuda-pemudinya bekerja di Kuala Lumpur dan di negeri-negeri lainnya serta dibayar gaji lebih tinggi. Sabah adalah satu negeri pertanian yang membangun. Di negeri Sabah memerlukan beribu-ribu pekerja kolar biru untuk bekerja di ladang-ladang yang mana muda-mudi tidak berminat. Kita terpaksa bergantung kepada buruh-buruh asing dari negara-negara jiran, iaitu Indonesia dan Filipina. Gaji yang dibayar untuk pekerja-pekerja ladang adalah lebih rendah dibandingkan dengan pekerja-pekerja di kilang di Semenanjung.

Sebagaimana kita sedia maklum bahawa pembangunan di Sabah adalah ketinggalan jauh daripada Semenanjung. Levi yang dipungut oleh kerajaan sebanyak RM300 dari setiap buruh asing adalah berat dan membebankan. Walaupun undang-undang mengatakan buruh-buruh mesti membayar, tetapi dengan secara langsung membeban mereka yang kerana terpaksa membayar gaji tinggi kepada pekerja-pekerja asing. Bagaimana kita sedar bahawa sara hidup di Sabah lebih tinggi jika dibanding dengan negeri di Semenanjung. Tambahan pula kita sedia maklum bahawa harga koko dan harga hasil-hasil pertanian lain-lain sebegitu rendah dibanding dengan Semenanjung juga. Di samping itu, sebuah ladang yang besar mempunyai ratusan pekerja asing sudah pasti membebankan majikan.

Oleh itu, sekali lagi saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menimbangkan dan per-

hatikan atau menghapuskan pungutan levi di Sabah sehinggalah sara hidup di Sabah seakan-akan sama dengan Semenanjung.

. Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin merayu mengenai dengan jenayah dengan peratusan yang tinggi dilakukan oleh pendatang-pendatang asing di Sabah. Menurut laporan daripada polis lebih daripada 90% jenayah di Sabah khususnya di pantai timur dilakukan sama ada oleh pendatang yang sah ataupun tidak. Walaupun Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri menafikannya, tetapi jenayah yang dilakukan oleh pendatang asing berlaku juga, walaupun bilangan anggota polis mencukupi tetapi jika kita mempunyai cukup anggota polis di Sabah, saya percaya, jenayah akan dapat dikurangkan.

Menurut Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri juga kekuatan anggota polis di Tawau ialah 205 orang, jika saya tidak silap, bilangan ini adalah keperluan atau peruntukan pada tahun 1976 bukan untuk tahun 1995. Di Tawau sekarang memerlukan 500 orang anggota polis. Apa yang ada sekarang hanya tidak sampai 50% Pasukan Polis Hutan dan angkatan bersenjata yang lain digunakan untuk membantu polis, inilah membuktikan anggota dan kakitangan polis tidak mencukupi di Sabah atau di Tawau.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya merayu kepada kementerian yang berkenaan agar dapat menambah anggota polis lebih banyak lagi, kereta peronda-peronda dan bot-bot peronda dengan seberapa segera. Memandangkan penduduk-penduduk di Tawau lebih daripada 200,000 orang dan polis yang ada sekarang hitung panjangnya 1 kepada lebih 1,000 — yang ini terlalu rendahlah pada fikiran saya.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1995 adalah Belanjawan terbaik setakat ini dalam Malaysia. Sebanyak 2,600 barangan import telah dikurangkan cukai ataupun bebas dari cukai, ini akan membawa faedah kepada rakyat sama ada yang kaya ataupun yang miskin di bandar dan juga di kampung. Sistem baru pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja akan menolong pemaju-pemaju perumahan untuk membina rumah juga dan yang sakit untuk memerlukan perbelanjaan perawatan perubatan.

Semua pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan berasa senang hati kerana mendapat bonus sebulan gaji atau serendah-rendahnya RM600. Saya berharap pegawai-pegawai kerajaan boleh lebih bergiat lagi menjalankan tugas mereka ke atas penghargaan yang telah diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, semua peniaga-peniaga dan perdagangan akan lebih aktif sebelum Tahun Baru Cina, lebih-lebih maju lagi pada Hari Raya Puasa dan Tahun Baru Cina. Dalam masa yang sama, saya berharap kerajaan tidak akan melupakan kepada pegawai-pegawai kerajaan yang telah bersara, mereka juga pernah berkhidmat dengan kerajaan untuk kemajuan Malaysia dan menolong Malaysia sebagaimana kita sekarang.

Saya berharap kepada kerajaan akan menimbang dan memberi sebulan bonus juga kepada mereka sama dengan pencen yang mereka terima sekarang. Mereka telah memberikan khidmat yang sebaik-baiknya dengan sepenuh jiwa mereka dan menolong membawa semua polisi-polisi peraturan-peraturan dan rancangan-rancangan untuk pembangunan negara kita. Menolong pembangunan hingga menjadikan Malaysia salah satu negara yang paling maju di dunia. Mereka telah berjasa kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih dan saya memohon untuk menyokong Belanjawan 1995. Sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bayan Baru.

4.05 ptg.

Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, walaupun Belanjawan 1995 telah disambut dengan komen-komen yang baik, tetapi kita terpaksa akui bahawa Belanjawan yang baik itu tidak semestinya pada keseluruhan akan memberi manfaat kepada rakyat, jika sekiranya pelaksanaan ke atas peruntukan-peruntukan dalam Belanjawan itu menemui berbagai penyelewengan dan kepincangan.

Tuan Yang di-Pertua, segala kepincangan di dalam pentadbiran dan pengurusan kewangan kerajaan sama ada di peringkat Pusat mahupun di peringkat Negeri perlu diatasi untuk memberi faedah yang maksimum kepada rakyat. Saya ingin mengambil kesempatan di dalam perbahasan Belanjawan ini untuk memberi isyarat yang serius kepada Barisan Nasional bahawa Negeri Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang tidak selamat bagi Barisan Nasional pada Pilihanraya Umum yang akan datang. *(Disampuk)* Saya serius, tak perlu ketawa kerana saya ada fakta-fakta yang cukup untuk menyokong apa yang saya perkatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya jelaskan perkara ini bukan apa, kerana saya lihat Timbalan Perdana Menteri kita yang saya hormati, yang saya kasihi, datang dari Pulau Pinang. Saya tidak mahu kerana Barisan Nasional kelak hilang Pulau Pinang, dia akan hilang jawatan Timbalan

Perdana Menteri kerana orang-orang UMNO sendiri mungkin tak terima dia. Kalau dia tak boleh jaga Pulau Pinang, macam mana dia hendak jaga Malaysia?

Jadi, masalahnya bukan DAP tak mahu dia, yang tak mahu dia orang-orang UMNO sendiri kelak. Jadi, ini satu amaran saya beri, atau satu peringatan saya beri dengan ikhlas kepada Timbalan Perdana Menteri yang tak ada di sini supaya berjaga-jaga dengan orang yang dok bodek dia kuat pada hari ini.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Parit Sulong bangun.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya tak mahu beri jalan, masa saya suntuk. Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, hendak beri jalan atau tidak?

Seorang Ahli: (*Menyampuk*)

Tuan Ahmad bin Nor: Bukan saya takut, tidak cukup masa.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Dia bercakap UMNO.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Parit Sulong, dia tidak beri jalan.

Tuan Ahmad bin Nor: DAP telah gagal dengan tipis untuk menukar Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam Pilihanraya Umum tahun 1990. Saya rasa rakyat di Pulau Pinang kini mempunyai azam yang lebih kuat untuk menentukan bahawa mereka akan berjaya menukar Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada Pilihanraya Umum yang akan datang. Rekod telah menunjukkan

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kuantan bangun.

Tuan Ahmad bin Nor: Tak perlu, dahulu saya pun tak ganggu, jadi sila duduk. Minta maaf Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Saya hanya ingin membantu.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya masa tak cukup, tidak perlu bantu, saya cukup kuat kalau kita hendak lawan. (*Ketawa*)

Jadi, rekod telah menunjukkan bahawa pada pilihanraya umum yang lalu, DAP dapat mengalahkan Barisan Nasional di peringkat Parlimen. Jelas DAP telah menang di Pulau Pinang di dalam pilihanraya umum yang lalu, jangan silap faham. DAP telah menang 6 Kerusi Dewan Parlimen dalam tahun 1990 daripada 11 Kerusi yang telah ditandingi. Kita menang dengan jumlah besar majoriti.

Yang kedua, di peringkat Kerusi Dewan Undangan Negeri DAP telah berjaya mendapat 14 Kerusi yang terbanyak di kalangan parti-parti politik yang bertanding di Pulau Pinang. Ini jelas 14 Kerusi daripada 33 Kerusi — UMNO hanya dapat 12 Kerusi, Gerakan hanya mendapat 7 Kerusi, MIC hapus, MCA tidak ada di sini, luput — habis. Mati tidak berkubur di Pulau Pinang.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, dia bangun lagi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya, Setiausaha Agung DAP hendak 'resign' atau tidak kalau tidak dapat

Tuan Ahmad bin Nor: Saya tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dahulu!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, boleh minta jalan tetapi sama ada dia beri atau tidak, itu terserah kepada dia.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya tidak boleh beri jalan. Mereka sudah 'hentam' parti Pembangkang — sudah cukup, sekarang ini giliran saya pula. Sila duduk! Minta maaf, bukan saya tidak mahu beri! Masa tidak cukup.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, memang harapan DAP Tidak usah buat apa, tidak usah. UMNO boleh menang 12 kerusi di Pulau Pinang. DAP akan mengangkat Pulau Pinang cuma dengan memenangi lagi 4, 5 kerusi dan kami yakin, DAP yakin dengan kegagalan Kerajaan Barisan Nasional di Pulau Pinang, pentadbiran Pulau Pinang, Kerajaan Barisan Nasionalnya begitu amat pincang, yang begitu amat lemah di bawah pucuk pimpinan Ketua Menteri, Dr. Koh Tsu Koon dan Timbalannya, Dr. Ibrahim Saad, jelas. Jelas bahawa Barisan Nasional akan menimpa kekalahan yang teruk

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat

Tuan Ahmad bin Nor: dalam pilihan raya yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan kali ini?

Tuan Ahmad bin Nor: Tidak boleh.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Bagilah, kita gang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak beri. Dia tidak beri.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Berilah one minute.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya bagi last sekejap lagi. Bagi dia habis, saya bagi last.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: One minute. One minute.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan tawar-menawar di sini.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya ada perkara penting. Itu mukadimah.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak, kalau kerajaan negeri lemah tolong jelaskan.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya bercakap mukadimah, sudah tidak tahan, belum saya cakap isu.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Jangan main cakap lemah. Apa kelemahannya, cakaplah!

Tuan Ahmad bin Nor: Nanti, duduk, duduk. Saya baru mukadimah, belum lagi hendak introduce isunya. Kita baru mula sedikit, sudah hangat, sudah meloncat. Belum saya beri betul-betul lagi. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, sebab. Ada yang hendak tahu sebab-sebab kelemahan. Saya hendak terangkan lagi, tidak payah dok soal kerana Pulau Pinang dianggap sebagai sebuah negeri yang termaju jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Kita akui bahawa pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang lebih 11% daripada kadar pertumbuhan ekonomi kebangsaan iaitu 8.5%. Kita akui.

Kemudian, kata pula pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, orang Pulau Pinang tidak perlu bimbang malahan lebih maju dari negeri-negeri lain. Sebenarnya itu adalah salah tafsiran Kerajaan Barisan Nasional sama ada Kerajaan Pusat yang mana orang yang datang dari Permatang Pauh menjadi Timbalan Perdana Menteri, mahupun pemimpin-pemimpinnya yang di peringkat negeri.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, rakyat Pulau Pinang menghadapi berbagai masalah. Masalah-masalah yang tidak diberi perhatian yang berat selama ini oleh pemimpin Barisan Nasional. Oleh sebab itu, Pulau Pinang tidak boleh dianggapkan sebagai sebuah negeri yang selamat bagi Barisan Nasional. Tuan Yang di-Pertua

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Tuan Ahmad bin Nor: Masalah Pulau Pinang Tidak ada alasan, tidak ada penjelasan. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat Arau bangun ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Apakah Yang Berhormat sedar

Tuan Ahmad bin Nor: Saya minta kerjasama Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, Yang Berhormat

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya, apakah Yang Berhormat sedar

Tuan Ahmad bin Nor: Saya minta

Tuan Shahidan bin Kassim: Lampu menyala! (*Ketawa*) Apakah Yang Berhormat sedar

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dahulu

Tuan Ahmad bin Nor: Saya minta kerjasama

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Lampu menyala itu tidak menjadi soal. Yang penting ialah sama ada dia beri jalan.

Tuan Ahmad bin Nor: Kenapa Tuan Yang di-Pertua layan dia? Saya tidak beri jalan, jangan layan dia nanti masa saya terbuang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Seorang Ahli: Takut!

Tuan Ahmad bin Nor: Saya minta jangan dipasang lampu dekat dia. Katup. Jangan pasang! (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, teruskan.

Tuan Ahmad bin Nor: Kacau! Kacau!

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, saya cukup sporting tau dengan semua orang.

Tuan Ahmad bin Nor: Tolong katup lampu itu terus, yang Arau punya. Katup, jangan buka terus.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kenapa Yang Berhormat begitu kurang

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kita semua ini kena ikut tatatertib Peraturan Mesyuarat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya, tetapi Tuan Yang di-Pertua . . .

Tuan Ahmad bin Nor: Tetapi giliran Yang Berhormat sudah habis. Ini giliran saya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Bukan, masa saya bercakap semalam, semua orang bertanya. DAP tanya, saya beri.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya tidak kacau. Saya tidak kacau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Apakah Yang Berhormat

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya tidak benarkan sebarang permintaan penjelasan macam ini. Saya rasa kita kena buat secara elok.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak setuju dengan persempadanan pilihan raya kawasan tetapi dia hendak pilihan raya. Itu pendirian double standard

Tuan Ahmad bin Nor: Saya tidak beri jalan!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Lampu saya hidup lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa kita kena menghormati hak orang lain.

Tuan Ahmad bin Nor: Parit Sulong, tolong duduk. Jangan beri saya panggil nanti "Parit Kotorkah", "Parit Selutkah" nanti susah. Kalau saya start keriau nanti, sakit. Duduk! *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat Itu kerja saya.

Tuan Ahmad bin Nor: Dia kacau. Dia kacau! *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sabar, sabar Lebih elok Yang Berhormat menghala ke sini.

Tuan Ahmad bin Nor: Selain daripada masalah-masalah pokok yang dihadapi oleh rakyat Pulau Pinang

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, point of order ini. Baiklah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya minta bila dia bercakap, dia menghala kepada Tuan Yang di-Pertua. Jangan tengok saya. Tengok saya bermakna dia jemput saya berlawan dengan dia. *(Ketawa)* Kenapa dia bercakap tengok pada saya? Saya tidak gemar melihat muka dia yang tidak handsome itu. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu pun saya sudah cakap tadi, Yang Berhormat lebih elok menghala ke Kerusi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya, menghala ke Kerusi sebab dia kena ingat DAP yang boikot persempadanan di Pulau Pinang. Kita tahu. Kalau tidak kerana DAP orang Pulau Pinang sudah dapat kerusi yang lebih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Betul. Kalau tidak kerana DAP, orang Pulau Pinang akan dapat kerusi yang lebih.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya tidak beri jalan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kerana DAP

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua! Ini sudah melampau.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jangan mengambil kesempatan.

Tuan Ahmad bin Nor: Selain daripada masalah besar yang dihadapi oleh rakyat Pulau Pinang terutama golongan kaum pekerja yang berpendapatan rendah berhubung dengan masalah perumahan kos rendah, saya lihat Pulau Pinanglah yang paling ke belakang sekali dalam segi pembinaan rumah kos rendah kepada rakyat negeri itu jika berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Kemudian, bukan sahaja rumah kos rendah berkurangan lebih kurang dalam 25% mengikut keperluan yang telah didirikan. Selain daripada itu, rumah kos sederhana yang patut untuk orang peringkat sederhana, bawahan pun begitu mahal. Rumah 40%, 50% daripada harga di Wilayah Persekutuan kerana ada pemimpin-pemimpin politik Barisan Nasional terlibat dalam projek-projek perumahan hendak jadi kaya. Inilah masalah di Pulau Pinang. *(Tepuk)*

Tuan Shahidan bin Kassim: *(Bangun)*

Tuan Ahmad bin Nor: Saya tengok sedikit sahaja, saya tengok Tuan Yang di-Pertua lebih, dia dah marah. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Arau minta jalan. Hendak beri jalan?

Tuan Ahmad bin Nor: Saya tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak beri juga.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sportinglah.

Tuan Ahmad bin Nor: Tidak payah sporting. Barisan Nasional tidak pernah sporting dengan Pembangkang. Saya tidak perlu sporting. Di luar kita sporting.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu hak dia.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Shahidan bin Kassim: *(Menyampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, baiklah. Cukuplah.

Tuan Ahmad bin Nor: Masalah selain daripada perumahan, masalah yang dihadapi oleh penjaja, peniaga-peniaga kecil yang selalu ditekan, diseksa oleh Pihak Berkuasa Pulau Pinang. Barisan Nasional juga. Barisan Nasional! Tidak boleh hendak hidup, hendak cari makan di Pulau Pinang kerana ada

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: *(Bangun)*

Tuan Ahmad bin Nor: Oh, sahabat. *(Ketawa)*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Bagilah chance. Tuan Yang di-Pertua, bukankah di Pulau Pinang ada Timbalan Ketua Menteri yang menjaga orang-orang Melayu di sana. Tolong beri penjelasan kepada saya, orang Melayu Pulau Pinang menggelarkan Timbalan Ketua Menteri ini sebagai “broker tanah”. Jadi, terangkan apa dia yang menyebabkan Timbalan Ketua Menteri digelar “broker tanah” di sana sehingga menimbulkan kemarahan orang Melayu Pulau Pinang sekarang ini. Termasuk keluarga saya di Pulau Pinang amat marah kepada Timbalan Ketua Menteri kerana dia digelar “broker tanah”. Apa dia “broker tanah” ini, tolong terangkan?

Tuan Ahmad bin Nor: Ya, memang betul itu. Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Ibrahim Saad boleh diibaratkan, “harapkan pagar, pagar makan padi” kepada orang Melayu. *(Tepuk)* Itu dia. Itu yang tepat sekali

jawapan yang saya boleh beri. Kita harap dia jaga orang Melayu, dia guna PERDA sebagai Pengerusi PERDA, sapu tanah-tanah orang Melayu di Pulau Pinang.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, Yang Berhormat. Parit Sulong bangun.

Tuan Ahmad bin Nor: Dia gunakan
.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, ya point of order. Sabar.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Point of order 35 (1). Dia cakap pandang ke sini. Jangan cakap pandang kepada PAS, pandang Tuan Yang di-Pertua. Ini burung tiung.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baik, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Nor: Dia tidak ada modallah itu. Dia tidak ada modal hendak ganggu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Keputusan tadi itu dikekalkan.

Tuan Ahmad bin Nor: Ya, saya tengok 100%. Saya tidak tengok kat dia. Tetapi saya beralih dekat dia. (Ketawa) Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan gelaran. Gelaran itu menunjukkan bahawa Dr. Ibrahim Saad, Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang orang yang cukup popular. Popular bukan popular macam penghibur, ke tidak. Popular diberi title atau gelaran "Dr. Ten Percent" kerana upah yang ten percent itu (Ketawa) dan broker tanah! Siapa hendak minta pertolongan beliau, dia terang-terang cakap, tidak payah sembunyi. Ini perkara bukan sembunyi, bukan sulit, terang-terang, dia perlu service ten percent!

Kononnya hendak masuk tabung UMNO-lah, Tabung Yayasan Bumiputeralah. Sama ada perkara ini betul atau tidak, Tuhan sahaja yang mengetahui tetapi dia mengakui, dia ambil ten percent. (Disampuk) Dia gunakan Syarikat Asas Dunia. Dia lantikkan isteri dia menjadi Pengerusi Asas Dunia dan banyak projek dikebas oleh Asas Dunia dan begitu juga lain-lain projek yang mana dia ada kepentingan secara terus dalam beberapa company yang ada di Pulau Pinang. Itu dia. Kita ada Timbalan Ketua Menteri, Dr. Ibrahim Saad yang begitu diharapkan oleh orang-orang atau masyarakat Melayu di Pulau Pinang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung. (Ketawa) Masa berjalan, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Nor: Ya, saya baru tak sampai lima minit! (Ketawa) (Disampuk) Saya ada berapa minit lagi?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila gulung, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Nor: Berapa minit lagi? (Disampuk)

Beberapa Ahli: Lima minit saja!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Gulung — maksud saya Yang Berhormat, habiskan cepat. (Disampuk)

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya ada perkara penting ini, saya hendak bincang, dok kacau! Iaitu berhubung dengan tanah wakaf di Pulau Pinang, itu yang sebenar. (Disampuk) Jadi, saya minta, berilah 5 minitlah — tanah wakaf.

Saya ingin mengemukakan berhubung dengan kepincangan kedudukan tanah wakaf di Pulau Pinang yang telah menjadi satu isu yang hangat baru-baru ini. Saya sedih Timbalan Perdana Menteri, seorang

yang datang dari Pulau Pinang, dari kawasan Parlimen Permatang Pauh tidak begitu mengambil endah dan mengambil berat tentang isu tanah wakaf.

Tanah wakaf di Pulau Pinang sebenarnya bukannya banyak. Ia terdapat tanah-tanah yang berkelompok atau enclave land, lebih kurang 76 ekar di Bandaraya Georgetown. Sayangnya, disebabkan dalam pentadbiran Majlis Agama Islam Pulau Pinang, kepincangan dalam pengurusan wakaf-wakaf di Pulau Pinang, keadaan tanah-tanah itu telah menjadi dalam keadaan tidak sempurna dan berfaedah kepada orang-orang Melayu dan orang-orang Islam di Pulau Pinang.

Tanah-tanah wakaf ini di dalam Bandaraya Georgetown yang terdiri daripada harta — harta iaitu bangunan dan rumah-rumah flet diletakkan di bawah Akta Kawalan Sewa Rumah yang mana kadar sewaan daripada harta-harta ini adalah dalam lingkungan dari RM30 ke RM100. Padahal, orang atau penghuni, orang yang menyewa di bangunan-bangunan itu telah mendapat keuntungan berpuluh-puluh atau mungkin beratus ribu ringgit kerana mereka telah tinggal di situ selama 30 atau 40 tahun.

Jadi, saya hairan kerana apa harta atau bangunan kepunyaan agensi kerajaan yang lain seperti Majlis Perbandaran Pulau Pinang tidak tertakluk kepada Akta Kawalan Sewa, sedangkan tanah wakaf, iaitu tanah amanah, tanah hak Majlis Agama Islam, tanah hak Kerajaan Negeri, mengapa diletakkan di bawah takluk Akta Kawalan Sewa yang mana hari ini memang hasilnya tidak ada? Kalau kutip hasil seribu dua, mana hendak cukup untuk membiayai atau hendak menyelenggarakan tanah-tanah wakaf di Pulau Pinang? Dan yang menjadi kecoh sekali

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa dah cukup.

Tuan Ahmad bin Nor: ada kawasan penempatan tanah wakaf hendak dibangunkan. Rakyat Pulau Pinang tidak menghalang pembangunan ke atas tanah wakaf. Yang mereka halang adalah usaha Dr. Ibrahim Saad, Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang hendak membangunkan tanah-tanah wakaf dengan secara menswastakan tanah-tanah itu kepada badan-badan korporat untuk didirikan kompleks-kompleks perniagaan ataupun kompleks-kompleks komersil yang tidak memberi keuntungan atau faedah secara direct kepada umat Islam di dalam Bandaraya Georgetown. Inilah yang ditentang! Selama ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang, termasuk Timbalan Perdana Menteri tidak pernah hirau hendak membangunkan tanah wakaf. Apabila DAP membangkitkan perkara ini, barulah cerita hal-hal pembangunan tanah wakaf hendak dimulakan. Jadi, inilah . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa Yang Berhormat dah cukup.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya berharap Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan yang datang dari Pulau Pinang memberi penjelasan apakah perkara ini hendak dibiarkan berterusan (*Disampuk*) dan tanah wakaf tidak langsung diberi peruntukan atau dibantu oleh Kerajaan Pusat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukup Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Burung Tiong, duduk!

Tuan Ahmad bin Nor: Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sepang.

4.24 ptg.

Dato' Haji Mohd. Sharif bin Jajang (Sepang): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya apa yang disuarakan

oleh wakil DAP dari Bayan Baru ini macam mengigau di siang hari dan mungkin ada jolokan perasaan sedikitlah ataupun sahabat saya kata tadi, "Burung tiang terbang dipipiskan lada" (*Ketawa*) dan mimpi dia hendak memerintah dengan menaburkan segala fitnah yang bukan-bukan terhadap Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Ketua Menteri adalah merupakan dengki, iri hati dan hasad yang amat sangat daripada beliau. (*Tepuk*) Lebih baik saya berpindah kepada sesuatu yang lebih serius yang kita perkatakan di alam nyata dan realiti.

Belanjawan negara 1995 ini menjanjikan kemakmuran, kesejahteraan negara dan kestabilan politik. Antara lain, kemakmuran negara akan menyaksikan kehadiran projek-projek raksasa seperti LRT, KLIA dan pembinaan Pusat Pentadbiran Perang Besar yang sekarang ini dipanggil Putera Jaya.

Oleh kerana Putera Jaya ini terletak di Sepang, Selangor, maka saya ingin bertanya kepada kerajaan, bagaimana tercetusnya nama Putera Jaya ini? Kalau dahulu saya pernah hendak mencadangkan KLIA ini sebagai Lapangan Terbang Dr. Mahathir atau Mahathir's Airport, sudah diganti dengan KLIA. Saya beranggapan "Putera" ini ialah seorang anak raja atau anak bangsawan. "Jaya" — semua fahamlah, berjaya atau menang. Saya ingin membuat tafsiran "Putera Jaya" ini lahir daripada seorang putera iaitu Dr. Mahathir yang berjaya dan beliaulah yang merupakan arkitek kepada Putera Jaya ini dan seharusnya juga nama Perang Besar atau Putera Jaya ini dipertimbangkan kembali, kalau ianya boleh menjadi Mahathir Jaya. Suatu hadiah besar kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga penganugerahan besar kepada rakyat Sepang.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya rakyat Sepang tidak akan berhenti-henti bersyukur dan berterima kasih. Bersyukur ke hadrat Ilahi — ke hadrat Allah S.W.T.

kerana mengizinkan projek-projek besar seperti KLIA (Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur) dan Putera Jaya ditempatkan di Sepang. Pengambilan tanah oleh kerajaan dan seterusnya pembayaran pampasan sejumlah RM700,000 juta dan pelaksanaan kerja-kerja tanah yang dikatakan lebih daripada RM1 bilion menjadi bukti yang cukup kuat dan keyakinan yang tidak berbelah-bahagi lagi kepada kerajaan meneruskan projek raksasa ini dan sesuatu yang ulung di dalam negara kita.

Sumbangan dan penglibatan kerajaan yang begitu besar diadunkan dengan kehairahan serta pengorbanan rakyat Sepang, terutama bagi penduduk yang terlibat dengan pengambilan tanah adalah merupakan kemuncak kepada kesyukuran. Tidak dapat dinafikan, rakyat Sepang, Negeri Selangor dan negara akan berbangga dan sedang menyediakan serta melengkapkan diri untuk menjadi rakyat dan penghuni kawasan kosmopolitan ke arah daerah negeri dan negara maju.

Kalaupun ada kelompok rakyat yang tidak mensyukuri nikmat Allah seumpama ini, ianya ialah mereka yang sesat politik, kecewa yang amat sangat, ketandusan modal dan usaha dari kalangan Pembangkang. Mereka ini akan menghasut, memporak-perandakan keadaan. Rakyat yang terlibat dengan pengambilan tanah cukup berpuas hati, tidak banyak kerehah, malangnya mereka yang saya katakan tadi pula tidak sedar diri, sibuk, mencucuk, menghasut, mengaburi dan memutarbelitkan kenyataan.

Pernah satu ketika dahulu apabila ada ura-ura kerajaan hendak membawa pusat pembangunan sisa toksik di Sepang, mereka melaung-laungkan dan menggembir-gemburkan dengan kata-kata, "Apa Kerajaan Barisan Nasional dan Wakil-wakil Rakyat Sepang boleh buat untuk Sepang, melainkan membawa racun

untuk membunuh rakyat. Itulah yang mereka boleh!" Sekarang, apabila kerajaan membawa Lapangan Terbang Antarabangsa, apa kata mereka? Kerajaan menzalimi rakyat, kerajaan menganiaya rakyat, kerajaan merampas tanah rakyat, kerajaan tidak memberi pampasan pengambilan alih tanah yang sepatutnya. Kerajaan zalim, kerajaan rakus dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam suasana gembira, penuh dengan kesyukuran terhadap masa hadapan Sepang yang akan menjadi bandar raya lapangan terbang, saya amat mengalu-alukan keberanian kerajaan, khususnya melalui Menteri Kewangan yang telah menubuhkan syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan yang dikenali sebagai Perbadanan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan.

Penubuhan Perbadanan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ini adalah suatu langkah berani dan komited. Sekali gus anggapan umum kerajaan berkeyakinan dan berkemampuan membina lapangan terbang terbesar seperti yang dirancang. Kerajaan berkesanggupan, berkemampuan di dalam semua bidang termasuk menyediakan kos pembiayaan dan ikhtiar-ikhtiar serta usaha positif yang lain bagi memastikan kerja-kerja pembinaan berjalan dengan licin, lancar dan siap menjelang tahun 1998.

Penubuhan Perbadanan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ini juga menghilangkan dan mengikis kebimbangan rakyat tempatan dan golongan korporat yang beranggapan kerja-kerja dan peluang-peluang turut bersama di dalam pembangunan lapangan terbang ini kelak akan dimonopoli dan dikuasai oleh

syarikat-syarikat luar negara semata-mata. Tentulah sudah terlintas di dalam fikiran dan menjadi hasrat Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga Tan Sri Pengerusi Perbadanan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur hendak mengagih-agihkan kerja-kerja pembinaan lapangan terbang ini kepada syarikat-syarikat tempatan khususnya Sepang dan Negeri Selangor. Lebih-lebih lagi memberi keutamaan kepada syarikat-syarikat bumiputera.

Seperti yang pernah diumumkan melalui surat khabar, radio dan TV oleh pemimpin kerajaan, D.C.A. sebelum ini, pembinaan lapangan terbang antarabangsa yang besar dan moden di Sepang ini adalah kunci bagi negara untuk mencapai kejayaan Wawasan 2020. Ditambah dengan falsafah penerbangan awam negara ke arah mewujudkan sebuah lapangan terbang yang moden, setanding dan menjadi pintu masuk utama di rantau Pasifik.

Seperti yang pernah saya sentuh dalam Dewan ini pada tahun lalu, kebijaksanaan kerajaan membuat keputusan begitu berhemat, berstrategik seperti berikut:

- (i) Pembinaan lapangan terbang di simpang Sungai Besi berstrategikan keselamatan dan kemudahan awam pada tahun 1940 – 1965.
- (ii) Pembinaan lapangan terbang di Subang pada tahun 1995 – 1997 berstrategikan kemerdekaan dan perdagangan.
- (iii) Pembesaran dan penempatan lapangan terbang di Sepang, insya-Allah pada tahun 1998 berstrategikan wawasan ke arah negara maju.

Tiga "S" — bukan Sharif, tiga "S" yang membawa erti "simpang di Sungai Besi, Subang di Shah Alam, Selangor; di Sepang". Tiga "S" ini menjadi strategi baru; Selamat, Sepakat dan Sejahtera. Sejahtera adalah intisari negara maju. Kesejahteraan mesti dilihat dari semua sudut dan kelompok. Di dalam usaha-usaha memerangi kemiskinan untuk memperolehi kesejahteraan negara maju mesti dilihat dari sudut negeri Selangor maju dan Sepang maju. Negara maju tidak bererti sama sekali jika negeri-negeri lain khususnya negeri Selangor tidak maju. Ia lebih tidak bererti jika Sepang tidak maju. Kata-kata bidalan, peribahasa Melayu berbunyi, "Itik di air mati kehausan, ayam di kèpuk padi mati kelaparan". Usaha-usaha dan ikhtiar perancangan dan kesungguhan mesti dibuat dari sekarang sebelum terlambat. Bagi kami rakyat Sepang akan membuat dan berikhtiar apa sahaja mengikuti, menjejak, merebut peluang dan menyediakan diri dengan suatu motto, "Peradaban Tinggi Sepang Maju". Bertitik tolak dan berlandas kepada motto Peradaban Tinggi Sepang Maju, kami berikhtiar akan menjadikan lima perkara sebagai strategi perjuangan.

- (i) Menyediakan suasana keyakinan diri untuk mewujudkan masyarakat yang berdaya saing, berdaya tahan dan berdaya maju.
- (ii) Merebut setiap peluang yang ada hasil perkembangan yang ketara dalam abad 20-an.
- (iii) Bersiap sedia untuk menerima dan berhadapan dengan arus pembangunan pesat dengan menyediakan bekalan secukupnya seperti kesihatan, ilmu pengetahuan, kemahiran dan kepakaran.

- (iv) Merancang dan melibatkan diri dalam bidang ekonomi secara bersepadu dengan peningkatan penyertaan di dalam gerakan koperasi khususnya. Dato' Khalid ada di sebelah.
- (v) Merancang penggunaan sumber tempatan yang boleh meningkatkan ekonomi penduduk.

Tuan Yang di-Pertua, langkah dan usaha yang kecil yang telah dan akan diteruskan oleh rakyat Sepang sudah pasti tidak sampai ke mana sekiranya tidak ada penglibatan, dorongan, pimpinan dan bimbingan kerajaan. Rakyat Sepang yang sekarang ini berjumlah 55,600 orang sahaja sudah pasti akan dilanda dengan berbagai kejutan. Kejutan budaya, kejutan pembangunan, kejutan sosial, kejutan nilai dan lain-lain. Jika dilihat dan disaksikan kelak dengan perubahan seperti:

- (i) Sepang akan menjadi tetamu pertama kepada pelancong dan penumpang dari luar negara yang dijangka berjumlah 25 juta ke 80 juta dalam tahun 2000 dan 2020.
- (ii) Sepang akan merintis dan membuka negara kepada teknologi baru dan idea baru dan alam persekitaran baru.
- (iii) Sepang menjadi pintu memamerkan negara kita, sebuah negara yang bermaruah dan maju.
- (iv) Sepang mesti menggambarkan rakyat dan negara dinamik.
- (v) Sepang akan menjadi penghubung pertemuan utama berbagai jenis pengangkutan udara, darat dan laut. Sepang mesti memenuhi kehendak ini.

Dari cetusan ini, Tuan Yang di-Pertua, ia membuatkan saya bimbang. Namun demikian saya yakin, kerajaan dan rakyat punya peranan masing-masing. Di dalam menyaksikan Sepang akan bertukar wajah, penduduk bertambah, pembangunan akan meledak, mendesak datang — beberapa perkara mesti diberi perhatian daripada sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Dato' Haji Mohd. Sharif bin Jajang: Di dalam melahirkan keghairahan membangunkan Sepang, di kawasan sekitar terdapat tidak kurang 10,000 ekar tanah Simpanan Rizab Melayu ataupun Simpanan Melayu. Jumlah kawasan yang begini luas mesti diberi tumpuan dan dirancang dari sekarang. Kita tidak mahu melihat apa yang telah berlaku seperti di Kampung Baru, Kuala Lumpur. Kawasan Simpanan Melayu mesti dirancang dan diatur selaras dengan pembangunan lapangan terbang. Penduduk dan penghuni kawasan simpanan Melayu yang punca pendapatan dari sumber pertanian mesti dibimbing, mesti diberi panduan ke arah menjadi masyarakat perniagaan dan perdagangan. Kemudahan prasarana yang sampai ke lapangan terbang mesti juga sampai ke kawasan simpanan Melayu.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, agensi-agensi dan juga kerajaan mesti membuat persiapan seperti membersihkan dan menghindarkan apa jua bentuk pencemaran seperti contoh Sungai Sepang dan pantai Sepang yang amat tercemar pada hari ini. Ternakan dan pembiakan khinzir menjadi punca utama pencemaran. Kerajaan melalui Kementerian Pertanian seyogianya bertindak secara agresif dan berani serta berkesan. Apakah usaha yang akan dibuat bagi memastikan bahawa tidak akan ada pencemaran di dalam konteks negara maju dan pembinaan lapangan terbang serta Pusat Putra Jaya pada masa-masa dan tahun yang akan datang?

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baram.

4.39 *ptg.*

Tuan Harrison Ngau Laing (Baram): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 1995.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu mengulang pujian-pujian yang telah diberikan oleh rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan atas Belanjawan pada tahun depan yang memang adalah baik, kerana saya takut jikalau saya turut memberi pujian-pujian yang sama ada risikonya bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan 'becomes complacent' tetapi saya harap tidak indifferencelah terhadap masalah-masalah dan keperluan-keperluan kemudahan asas seperti jalan-jalan raya, bekalan elektrik, bekalan air, sekolah-sekolah dan lain-lain khususnya di kawasan saya Baram dan kawasan-kawasan luar bandar yang lain di negeri Sarawak amnya.

Andaian saya ini berasaskan bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang amat kita kasihi belum lagi melawat kebanyakan kawasan-kawasan luar bandar negeri Sarawak seperti kawasan saya Baram yang saya percaya akan menyedarkan beliau lagi tentang keadaan yang sebenarnya mengenai kawasan-kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan matlamat Belanjawan tahun depan, antara lain, untuk membina masyarakat yang lebih progresif dan seimbang. Terlebih dahulu, izinkan saya mengingatkan kita semua kepada ucapan Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri semasa beliau membentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) untuk tempoh masa dari tahun 1991 sampai tahun 2000 di Dewan yang mulia ini pada 17hb Jun, 1991 di mana beliau berkata seperti berikut:

“Secara khususnya, usaha-usaha yang lebih gigih akan diambil untuk mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan yang luas di antara wilayah, terutamanya ketidakseimbangan di antara negeri Sabah dan Sarawak dengan negeri-negeri lain di negara ini. Dan oleh kerana kemiskinan dan ketidakseimbangan ekonomi di negeri-negeri kurang maju masih tinggi, kita akan mengatasi masalah ini dengan seberapa segera di bawah Dasar Pembangunan Baru (DPB) iaitu satu dasar yang terus mengekalkan strategi Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang melibatkan pembasmian kemiskinan dan pengurusan semula masyarakat supaya dapat diperbaiki ketidakseimbangan sosial dan ekonomi antara kaum yang akan menyumbangkan ke arah mengukuhkan perpaduan negara”.

Seterusnya, beliau juga berkata bahawa kemiskinan tidak lagi merupakan satu masalah yang serius di Semenanjung Malaysia, sebagaimana yang wujud pada tahun-tahun 1970-an dahulu; tetapi di negeri Sabah dan Sarawak, walaupun kadar kemiskinan telah berkurangan, ianya masih tinggi jika dibandingkan dengan kadar di Semenanjung Malaysia.

Pada muka surat 16, teks ucapan tersebut, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga berkata kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak juga tidak mendapat manfaat seperti bumiputera di Semenanjung Malaysia walaupun kemudahan-kemudahan pendidikan, pekerjaan dan peluang-peluang pendapatan di negara ini telah bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, kadar kemiskinan di kalangan rakyat Malaysia di negeri Sarawak memang adalah masih tinggi jika dibandingkan dengan rakyat Malaysia di Semenanjung Malaysia di mana kadar kemiskinan yang 70% dalam tahun 1970-an telah pun dikurangkan kepada hanya 15% sekarang. Misalnya, mengikut Laporan Majlis Perunding Ekonomi Negara pada tahun 1990, kadar kemiskinan di antara kaum-kaum di negeri Sarawak adalah seperti berikut:

<i>Kaum-kaum</i>	<i>Peratusan</i>
Cina	— 4.8
Melayu	— 17.4
Melanau	— 24.8
Orang Ulu	— 27.7
Bidayuh	— 32.4; dan
Iban	— 46.5

Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab atau punca-punca kadar kemiskinan masih lebih tinggi di kalangan rakyat Malaysia di negeri Sarawak adalah di antara lain, seperti yang dinyatakan dalam laporan-laporan misalnya dalam *The Borneo Post* bertarikh 26hb September, 1994 di mana dilaporkan seperti berikut:

“Many bumiputeras, i.e. the Ibans, Bidayuhs and Orang Ulus, in particular, which made up not less than 800,000 of Sarawak’s population of 1.8 million are still living in poverty despite owning large tracks of native customary land. Statistics showed that between 1.5 million to 2 million hectares of native customary land has been left idle for one reason or the other and this has been identified as the main reason that the land owners are living in poverty”.

Dalam kertas kerjanya yang dibentangkan di seminar Land Development and Native Customary Right Land, Kuching

pada 3hb Oktober, 1994, Pengarah Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sarawak telah mengatakan juga seperti berikut:

“Some might suggest that to survey, adjudicate and issue titles in respect of native customary land was a solution and salvation to the natives. In my view, issuing titles to land in the interior without basic infrastructure, particularly roads, will not add value or solve the problem of poverty”.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Pembangunan Infrastruktur Sarawak semasa menjawab satu soalan di Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 7hb November, 1994 juga telah mengatakan:

“As of last month, only 1,330 kilometres or 30.3% of 4,393 kilometres of roads in Sarawak were gazetted as federal roads and most of the allocations for road construction in the state came from State funds”.

Tuan Yang di-Pertua, laporan-laporan seperti yang telah saya sebutkan tadi adalah menunjukkan masalah kadar kemiskinan yang begitu tinggi atau masih berleluasa di kalangan penduduk-penduduk negeri Sarawak “is related to or mainly the result of the lack of basic infrastructure, especially roads”, dengan izin. Kenyataan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Infrastruktur Sarawak juga menyentuh bahawa bantuan dari segi peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan untuk pembinaan jalan-jalan di negeri Sarawak selama ini adalah juga begitu sedikit sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa kecewa oleh sebab walaupun peruntukan kepada Kementerian Kerja Raya dalam Belanjawan pada tahun depan dinaikkan daripada RM3.591 bilion tahun ini kepada RM3.836 bilion pada tahun 1995, peruntukan untuk pembangunan federal

roads di negeri Sarawak telah dikurangkan begitu besar sekali, iaitu daripada RM116 milion pada tahun ini kepada hanya RM93.6 milion pada tahun depan. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan supaya perkara ini diberi perhatian yang serius dan tindakan diambil dengan segera, khususnya jangan kurang tetapi tambahkan peruntukan untuk pembangunan jalan raya di negeri Sarawak kerana tanpa adanya kemudahan-kemudahan asas pembangunan sosio-ekonomi dan masalah kadar kemiskinan yang masih tinggi di kalangan penduduk-penduduk kita di negeri Sarawak, khususnya di luar bandar tentu akan bertambah lebih buruk lagi dari keadaan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak semua penduduk di kawasan saya di Baram, saya minta supaya kerajaan juga memberi peruntukan yang cukup untuk pembinaan jalan-jalan seperti berikut:

- (1) Jalan dari jambatan lapok di Sungai Tinjar ke pekan Long Lama;
- (2) Jalan dari pekan Long Lama di Baram ke pekan Mendamit di Limbang;
- (3) Jalan dari pekan Long Lama ke Long Temal;
- (4) Jalan dari pekan Marudi ke Kampung Muam dan terus ke Kampung Logan Entasan; dan
- (5) Jalan dari pekan Marudi ke Taman Negara Mulu dan ke sempadan kita dengan negara Brunei Darussalam.

Saya juga minta supaya Kerajaan Persekutuan mengambil alih tanggungjawab untuk pembinaan jalan yang dicadangkan dari Bandar Miri ke pekan Marudi yang sekarang ini adalah state road, dengan izin. Walaupun kerja-kerja

pengukuran dan reka bentuk jalan ini sudah siap dibuat tetapi Kerajaan Negeri Sarawak tidak ada peruntukan untuk membina jalan itu sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya jalan-jalan seperti saya telah sebutkan, saya percaya semua penduduk-penduduk di kawasan saya, Baram, akan dapat membangunkan tanah-tanah mereka. Saya yakin dengan pembangunan tanah-tanah mereka itu, produktiviti, pendapatan serta kualiti atau taraf hidup mereka akan meningkat dan dengan usaha-usaha seperti yang sedemikian, mereka akan dapat membasmikan masalah kemiskinan di kalangan mereka sendiri tanpa membebankan atau menunggu bantuan dari kerajaan semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya ingin minta supaya Kerajaan Persekutuan, khususnya Kementerian dan Jabatan Kerja Raya dapat memberi perhatian dan mengambil tindakan untuk memastikan peruntukan bagi kerja-kerja untuk penurapan jalan-jalan yang sudah ada di kawasan saya, Baram, adalah cukup supaya kerja-kerja penurapan jalan-jalan ini dapatlah dipercepatkan lagi. Jalan-jalan yang saya maksudkan ini adalah:

- (1) Jalan dari Simpang Bintulu – Miri ke Pekan Beluru di Bakong;
- (2) Jalan dari Pekan Beluru ke jambatan lapok di Sungai Tinjar; dan

Yang ketiga, jalan dari Pekan Marudi ke kampung pemindahan ke Kampung Padang Kerbau, Kampung Narum dan ke rumah panjang Ketua Rumah Ungi di Gudang.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dukacita juga oleh kerana melihat dalam Belanjawan tahun depan peruntukan kepada pembangunan luar bandar, khususnya peruntukan untuk bekalan elektrik bagi luar bandar di negeri Sarawak telah dikurangkan daripada RM40 juta tahun ini kepada hanya RM27 juta sahaja tahun depan.

Mengikut kenyataan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar sendiri dalam *The New Straits Times* pada 8hb Julai, 1994, beliau mengatakan bahawa 95% penduduk-penduduk di Semenanjung Malaysia telah mendapatkan bekalan elektrik, tetapi di negeri Sarawak hanya 70% dan di Sabah 45% penduduk-penduduk telah mendapat bekalan elektrik. Kenyataan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar tersebut jelas menunjukkan juga satu keadaan yang masih jauh tidak seimbang di antara penduduk-penduduk kita di Semenanjung Malaysia dengan penduduk-penduduk kita di negeri Sabah dan di negeri Sarawak, iaitu dari segi pembekalan elektrik.

Oleh itu, saya minta Kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos haruslah mengambil perhatian dan tindakan atas perkara ini untuk memastikan peruntukan yang cukup diberikan kepada penduduk-penduduk luar bandar negeri Sarawak untuk bekalan elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri telah menyampaikan permohonan penduduk-penduduk dari beberapa kampung-kampung atau rumah-rumah panjang dari kawasan saya Baram kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos serta Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar untuk bekalan elektrik ke kampung-kampung dan rumah-rumah panjang mereka. Tetapi sampai hari ini saya difahamkan oleh Pejabat Daerah Baram dan penduduk-penduduk kampung-kampung berkenaan mereka belum lagi menerima peruntukan seperti yang telah dipohonkan oleh mereka itu.

Saya harap Yang Berhormat Menteri-menteri yang berkenaan dapat mengambil tindakan dan memberi kelulusan yang cepat terhadap permohonan-permohonan mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini dalam *The Star* Tenaga Nasional Executive Chairman, Tan Sri Dr. Ani Arope berkata:

“Electricity rates for street lighting in Peninsular Malaysia will be reduced more than 60% from 40 cents per unit to just 15.5 cents per unit next month, as Tenaga Nasional was at the moment already generating 7,000 megawatts of power delivered. Electricity consumption at night was only 3,000 megawatts. Tenaga has excess supply of 1,200 megawatts daily and therefore electricity supply would be extended immediately to all those who had applied for the facility”.

Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan bahawa pada masa sekarang ini, bekalan elektrik untuk rakyat Malaysia di Semenanjung Malaysia tidak ada masalah lagi. Tetapi masalah sekarang adalah bagaimana untuk menjual atau menggunakan ‘excess or surplus electricity generated by Tenaga Nasional’, dengan izin. Dan jikalau kita mengambil kira electricity yang generated oleh IPP excess or surplus yang kita adakan di Semenanjung Malaysia adalah lebih tinggi lagi. Oleh itu, saya tidak melihat ada logiknya atau apa-apa sebab yang munasabah dan justifikasi bahawa peruntukan untuk bekalan elektrik kepada luar bandar di negeri Sarawak dikurangkan atau tidak dapat ditambahkan lagi dalam Belanjawan pada tahun depan dan tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga nampak dalam Belanjawan pada tahun depan, bahawa peruntukan bekalan air luar bandar di negeri Sarawak seperti per-

untukan untuk Federal Road dan bekalan elektrik yang telah saya sebutkan tadi juga telah dikurangkan daripada RM20 juta tahun ini kepada hanya RM9 juta tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan penduduk-penduduk luar bandar di negeri Sarawak pada masa ini memang telah mendapatkan bekalan air paip atau dari tangki-tangki yang dibekalkan oleh Jabatan Perubatan dan Kesihatan Negeri Sarawak. Tetapi bekalan air yang diperolehi melalui paip atau tangki-tangki ini adalah hanya ‘untreated water’ iaitu tidak ada ‘filtration’ atau ‘purification system’, dengan izin untuk sistem-sistem bekalan air yang saya maksudkan ini.

Mengenai bekalan air melalui tangki, ini sangat tergantung kepada air hujan, jikalau tidak ada hujan dalam dua atau tiga hari, air dalam tangki akan habis. Mengenai bekalan air melalui paip, kita juga menghadapi masalah oleh sebab pemusnahan kawasan tadahan air dari kegiatan khususnya kegiatan pembalakan dan juga dari racun-racun yang digunakan begitu meluas di plantation-plantation

.....

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Bandar Kuching bangun.

Tuan Sim Kwang Yang: Penjelasan.

Tuan Harrison Ngau Laing: Minta maaf, sekejap ya . . . dan racun-racun yang digunakan begitu meluas di plantation-plantation atau estet-estet kelapa sawit yang dilaksanakan berdekatan kampung-kampung atau di kawasan-kawasan tadahan sungai-sungai dari mana penduduk-penduduk mendapati bekalan air melalui paip telah tercemar.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah membuat

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, dia bangun lagi.

Tuan Harrison Ngau Laing: sedikit kajian terhadap perkara ini dan mendapati bahawa

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat

Tuan Harrison Ngau Laing: undang-undang yang kita ada sekarang hanya memberi perlindungan kepada kawasan tadahan air untuk Municipal water supplies, dengan izin. Ini bererti

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Harrison Ngau Laing: Nanti dahulu ya. Ini bererti kepada penduduk-penduduk yang tinggal di bandar 'the law protect the source of their water supply', dengan izin, tetapi bagi penduduk-penduduk di kawasan luar bandar, kita semua tahu Tuan Yang di-Pertua, only the law of the jungle applies, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, atas sebab-sebab yang seperti saya telah jelaskan tadi, saya minta kepada Kerajaan Persekutuan dan kementerian-kementerian serta jabatan-jabatan yang berkenaan supaya memberi perhatian dan mengambil tindakan juga atas masalah-masalah ini.

Kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tolonglah jangan kurangkan tetapi tambahkan lagi peruntukan untuk bekalan air luar bandar negeri Sarawak. Saya takut kalau dikurangkan peruntukan, masalah-masalah rakyat dari luar bandar negeri Sarawak yang sudah begitu miskin selama ini jika dibandingkan dengan rakyat Malaysia di Semenanjung Malaysia, akan bertambah lagi dan kesihatan mereka akan terjejas oleh kerana terpaksa mendapat dan menggunakan bekalan air yang tercemar.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Bandar Kuching bangun lagi.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan Yang Berhormat dari Baram sama ada beliau sedar bahawa bekalan air untuk 15 komuniti bangsa Penan di Ulu Baram kawasannya merupakan 10% dari jumlah bilangan orang Penan seluruh dunia ini. Air di kawasan mereka telah tercemar oleh Samling yang membalak di kawasan mereka dan jika sedar apakah dia akan buat?

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, adakah beliau sedar bahawa akibat dari 'blockade' Penan dipecah oleh pihak polis dengan 'excessive force', dengan izin, sehingga seorang kanak-kanak berumur 6 tahun sahaja mati akibat daripada serangan bom tear-gas di kawasan yang saya sebutkan tadi, dan seorang gadis Penan berumur 15 tahun dirogol sehingga dia pengsan. Ini adalah satu serangan ke atas 'blockade' adakah beliau sedar, kalau sedar apakah cadangannya?

Tuan Harrison Ngau Laing: Terima kasih, Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

Mengenai perkara yang pertama, saya telah diberitahu oleh pihak-pihak yang berkuasa di negeri Sarawak mengenai masalah pencemaran air yang dihadapi oleh kaum-kaum Penan di Ulu Baram bahawa mereka telah menyiasat tentang aduan-aduan yang telah dibuat oleh kaum-kaum Penan tersebut dan telah mendapati memang sumber-sumber bekalan air mereka telah tercemar khususnya oleh kegiatan Syarikat Samling, dan oleh itu pihak Jabatan Perubatan dan Kesihatan Negeri Sarawak telah mengaturkan

pembekalan tangki-tangki dan paip-paip kepada mereka. Tetapi kalau ditanya kepada saya tentang personal view saya mengenai cara penyelesaian seperti yang telah diberi oleh pihak yang berkuasa, iaitu Jabatan Perubatan dan Kesihatan negeri Sarawak, saya memang tidak berapa setuju sebab seperti yang telah saya sebutkan, kalau kita membekalkan air melalui paip atau tangki, ini hanya satu 'mitigating solution' sahaja di mana untuk long-term bukan akan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh kaum Penan tersebut.

Mengenai masalah tentang perempuan Penan dirogol atau di mana Field Force atau polis menggunakan tear gas untuk memecahkan blockade mereka, saya sendiri telah melawat kawasan tersebut, tetapi setakat ini saya belum menerima laporan mengenai rogol tersebut. Apa yang saya terima dan sebenarnya saya juga ada gambar mengenai tindakan yang membalang tear-gas dari beberapa pegawai polis semasa mereka memecahkan blockade mereka itu memang benar. Jadi, bagi pihak saya sendiri, saya telah juga membuat representation kepada pihak polis di peringkat negeri Sarawak sendiri dan saya belum lagi menerima apa-apa balasan dari mereka sampai sekarang. Saya percaya pihak polis juga sedang menjalankan siasatan terhadap perkara ini.

Saya pun sudah lupa di mana saya berhenti. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nampaknya masa sudah suntuk.

Tuan Harrison Ngau Laing: Okay, terima kasih. Saya akan cuba pada masa Committee stage.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Seputeh.

5.02 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Terima kasih, Tuan Speaker. Tuan Speaker, semenjak tahun 1978 apabila pilihan raya Dewan Undangan Negeri Kelantan diadakan, selepas krisis Datuk Mohamad Nasir, Kumpulan 20 yang mencetuskan rusuhan, Kerajaan Barisan Nasional percaya dengan tidak mengadakan rapat umum semasa pilihan raya, Barisan Nasional akan mendapat majoriti 2/3 di Parlimen. Alasan Barisan Nasional mudah, kononnya polis tidak membenarkan rapat umum untuk menjaga keselamatan. Polis bukanlah pihak yang mutlak menentukan sama ada rapat umum boleh diadakan ataupun tidak. Siapa sahaja yang berfikiran waras tahu bahawa kebenaran polis bagi mengadakan rapat umum hanya keperluan undang-undang sebagai memenuhi syarat secara teknikal.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa mutlak sama ada rapat umum boleh diadakan atau tidak adalah di tangan Menteri Dalam Negeri dan Kerajaan Barisan Nasional. Sekiranya Menteri Dalam Negeri dan Kerajaan Barisan Nasional mahu rapat umum diadakan, kuasa polis tidak akan berupaya untuk menghalangnya. Barisan Nasional sendiri sudah mengadakan rapat umum di Dataran Merdeka beberapa bulan dahulu atas alasan menyambut ulang tahun Barisan Nasional. Rapat umum ini tidak menjejaskan keselamatan negara sebagai bukti bahawa rakyat tidaklah selalu rendah fikirannya sehingga mencetuskan rusuhan apabila mendengar ucapan pemimpin-pemimpin Pembangkang.

Sebenarnya rakyat Malaysia tidak pengaruh dengan politik emosi, kerana dalam ceramah-ceramah yang diadakan, mereka memberi penilaian secara terbuka terhadap hujah pihak Pembangkang. Mereka sedar penyelewengan dalam pentadbiran bukanlah boleh disembunyi-

kan. Sekalipun kerajaan berusaha menutupnya, lambat-laun penyelewengan itu akan terdedah juga kepada orang ramai, seperti bengkak yang lama, lama kelamaan akan menanah dan pecah meletus.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tidak membenarkan rapat umum, Barisan Nasional berjaya menawan Kerajaan Negeri Kelantan yang dikuasai oleh PAS semenjak tahun 1959. Dalam pilihan raya 1982 Barisan Nasional semakin angkuh dengan larangan mengadakan rapat umum ini apabila menang beberapa kerusi dalam bandar. Tetapi taktik demikian hanya untuk sementara sahaja. Dalam tahun 1986, kawasan di dalam bandar kembali jatuh ke tangan Pembangkang. Malah dalam tahun 1990 Kerajaan Negeri Kelantan terlepas dari tangan Barisan Nasional. Oleh itu, berdasarkan taktik demikian sudah tidak berkesan. Adalah lebih baik demokrasi dipulihkan sepenuhnya dengan membenarkan parti-parti politik mengadakan rapat umum pada bila-bila masa, terutamanya semasa berlangsung pilihan raya.

Masa telah banyak berubah, sepatutnya kerajaan juga wajar menghormati perubahan semasa ini apabila pemimpin-pemimpin muda dalam UMNO semakin hampir menerajui parti itu. Sifat angkuh di Universiti Malaya yang tergendala sejak 20 tahun dahulu akibat Akta Kolej dan Universiti telah dihidupkan semula pada 22hb Oktober 1994 lalu. Tidak ada sebarang kejadian buruk sepanjang debat itu berlangsung. Sebagai bukti bahawa kerajaan selama ini melakukan kesilapan besar dengan membuat tangkapan kerana kegiatan mahasiswa seolah-olah menjejaskan keselamatan.

Di samping kita berbangga dengan Belanjawan 1995 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan yang juga pernah menjadi penggerak aktiviti di kampus

tahun 70-an dahulu, maka wajarlah diimbangkan keunikan pertumbuhan ekonomi negara dengan pemulihan sepenuhnya sistem demokrasi. Larangan terhadap mengadakan rapat-rapat umum perlulah ditarik balik supaya kebebasan bersuara di kalangan rakyat dapat didengar semula.

Tuan Yang di-Pertua, pemulihan demokrasi dan menarik larangan mengadakan rapat umum mempunyai kaitan rapat dengan pilihan raya tempatan apabila hak rakyat dalam menentukan pentadbiran Majlis Tempatan, Majlis Perbandaran dan Bandar Raya telah dirampas. Akibatnya, karenah birokrasi menjadi benteng tebal yang menyebabkan rakyat sebagai pembayar cukai tidak berpeluang memperbaiki segala kepinangan dalam pentadbiran kerajaan tempatan.

Pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur misalnya jelas menunjukkan ianya bertanggungjawab kepada Perdana Menteri sahaja, dan bukannya bertanggungjawab kepada Parlimen. Keputusan Perdana Menteri adalah mempengaruhi semua sistem pentadbiran dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kerana ianya bertanggungjawab kepada Perdana Menteri sahaja.

Tentulah mustahil pula bagi Perdana Menteri berupaya mengetahui semua masalah rakyat kecuali mendengar laporan pegawai-pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sahaja yang tenggelam dalam karenah birokrasi. Surat-surat orang ramai malah surat dari Ahli Parlimen sendiri tidak mempunyai tempoh berapa lama akan diberi jawapan malah sesetengahnya langsung tidak dijawab. Masalah penduduk-penduduk tidak dapat diselesaikan dengan harmoni apabila Pegawai-pegawai Penguatkuasa bertindak di luar peri kemanusiaan.

Oleh itu pilihan raya bagi Kerajaan Tempatan adalah wajar dibolehkan bagi membolehkan rakyat memilih siapa yang selayaknya mentadbirkan Majlis Tempatan, Majlis Perbandaran atau Dewan Bandaraya. Sama ada Datuk Bandar atau Pengerusi Majlis Perbandaran dan Majlis Tempatan, adalah wajar ditentukan melalui pilihan raya bagi memberi peluang kepada rakyat menyingkirkannya apabila mereka tidak bertanggungjawab kepada rakyat dan Parlimen.

Di Amerika Syarikat pemilihan Sheriff sebagai Ketua Polis juga dilantik melalui pilihan raya bagi memberi peluang kepada rakyat memilih pemimpin yang benar-benar bertanggungjawab kepada pengundinya. Tetapi suasana di Amerika Syarikat memang tidak sama dengan negara kita apa lagi trend pemikiran mereka dalam amalan demokrasi jauh lebih berjaya. Bagaimanapun, sebagai perbandingan, negara kita boleh menjadikan amalan demokrasi di Amerika Syarikat itu sebagai model dalam memenuhi keperluan negara bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat melalui Belanjawan 1995 yang dibentangkan pada 28hb Oktober 1994 yang lalu. Tidak ada ruginya kalau kita menjadikan pilihan raya Kerajaan Tempatan sebagai kenyataan kerana beban Perdana Menteri dan Menteri Besar akan berkurangan.

Tuan Speaker, Perdana Menteri tidak akan menghadapi banyak tugas ke atas Dewan Bandaraya sekiranya Datuk Bandar dan ahli-ahlinya dipilih melalui pilihan raya. Demikian juga Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri boleh menumpukan lebih banyak masa kepada pembangunan negeri masing-masing dengan tidak dibebankan kepada tugas-tugas dalam Majlis Perbandaran dan Majlis Tempatan.

Sebuah pentadbiran yang lebih bersih, cekap dan amanah boleh diwujudkan apabila pilihan raya Kerajaan Tempatan diadakan semula bagi menentukan pentadbiran Dewan Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah adalah dari rakyat kepada rakyat dan untuk rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Liew Ah Kim: Ya, terima kasih. Apabila kebebasan bersuara disekat, sudah tentu amalan double standard mengambil alih sistem pentadbiran negara. Rakyat menjadi robot setelah semua media massa digunakan untuk membuli satu pihak sehingga rakyat tidak berpeluang menyuarakan hak mereka demi keadilan sosial. Semua kaum tidak mengira batasan, kepercayaan, kebudayaan, agama dan warna kulit di negara ini. Adakah Kerajaan Barisan Nasional mahu rakyat kembali kepada zaman pendudukan Jepun di mana akhbar-akhbar ada diterbitkan tetapi hanya propaganda yang berlebihan. Rakyat tidak dibenarkan memiliki radio kerana bimbang mendapat maklumat dari luar negeri mengenai keburukan pentadbiran Jepun. Akibatnya rakyat tidak mampu melepaskan diri dari belenggu ketakutan dan hidup seperti robot yang tidak boleh memberi apa-apa sumbangan kepada rakyat dan generasinya.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta gulung Yang Berhormat.

Tuan Liew Ah Kim: Ya, bolehlah sedikit masa.

Tuan Speaker, kebebasan bersuara mengikut definisi Kerajaan Barisan Nasional ialah ada akhbar-akhbar yang diterbitkan tetapi propaganda semata-

mata. Ada pilihan raya tetapi tidak ada rapat umum. Ada Parlimen bersidang tetapi suara Pembangkang dibendung supaya tidak sampai kepada rakyat dan ada amalan demokrasi tetapi sekadar satu demokrasi. Oleh itu dalam membahaskan Belanjawan 1995 ini, DAP menyeru kerajaan supaya lebih jujur dalam memberikan kebebasan bersuara sekiranya mengimpikan sebuah negara yang berwawasan dengan rakyat tidak dibentuk menjadi robot di samping menggariskan pendekatan demokrasi sebenarnya iaitu satu kebebasan akhbar dipraktikkan dengan menghapuskan Akta Rahsia Rasmi (OSA) dan RTM hendaklah menyiarkan semula laporan khas Parlimen secara adil.

Yang kedua, menarik semula larangan mengadakan rapat umum dengan meminda Akta Polis yang memberikan banyak kuasa kepada polis selama ini.

Yang ketiga, mengadakan semula pilihan raya Majlis Tempatan, Majlis Perbandaran dan Dewan Bandaraya.

Dan akhirnya, meminda undang-undang yang mendorong kepada amalan double standard seperti ISA, Akta Pengambilan Tanah dan Akta Mesin Cetak. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tuaran.

5.13 ptg.

Datuk Monggoh Orow (Tuaran): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang ini bagi saya turut membahaskan Belanjawan Negara tahun 1995 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada tanggal 28hb Oktober 1994.

Dalam membuat perbandingan, saya dapati bahawa Belanjawan Negara 1995 adalah jauh lebih baik daripada yang sudah-sudah. Ini nyata menunjukkan

bahawa setahun demi setahun, Kerajaan Barisan Nasional bertambah baik serta mantap mutu prestasinya dari segi perancangan, pengurusan dan pentadbiran kerajaan untuk kepentingan rakyat dan negara.

Namun demikian, masih terdapat ruang dan peluang untuk peningkatan mutu perancangan, pengurusan dan pentadbiran. Dan saya yakin dan percaya Kerajaan Barisan Nasional akan selalu prihatin terhadap isu ini. Tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional!

Pihak Pembangkang di dalam Dewan ini memang tidak mengaku bahawa Belanjawan ini adalah Belanjawan yang baik, tetapi saya fikir dalam hati kecil mereka, mereka menerima dengan baik-nya.

Setelah membuat penganalisaan secara ringkas, saya telah memetik beberapa ciri Belanjawan 1995 yang lebih menonjol jika berbanding dengan Belanjawan-banjawan yang lalu, misalnya anggaran hasil yang banyak berjumlah RM47.64 bilion, walaupun banyak juga dihapuskan atau dikurangkan ke atas levi daripada 2,600 barangan yang akan membabitkan secara langsung atau tidak langsung semua aspek ekonomi dan semua golongan rakyat, dan akibat penghapusan ini cukai kerajaan akan kehilangan lebih kurang RM2 bilion.

Namun demikian, Belanjawan Negara 1995 masih lagi dalam keadaan surplus, dengan izin.

Berkaitan dengan penghapusan atau pengurangan cukai-cukai ke atas 2,600 barangan ini, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada Kementerian Penerangan yang berobjektif untuk membina satu bangsa Malaysia yang bermaklumat, berbudaya tinggi dan bersatu padu. Objektif ini diharapkan dapat dicapai dengan dasar-dasar dan rancangan-

rancangan kerajaan disampaikan kepada rakyat melalui media elektronik dan hubungan bersemuka. Penerangan dan penyiaran akan menerang dan menyebarkan maklumat secara mendalam dan meluas mengenai dasar-dasar di samping membuat liputan peristiwa-peristiwa penting mengenai kegiatan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri Sabah lebih 80% penduduknya adalah dianggap sebagai penduduk luar bandar. Sebahagian besar penduduk luar bandar ini sukar menerima maklumat mengenai dasar-dasar dan kegiatan-kegiatan kerajaan. Mereka yang mempunyai televisyen memang sentiasa mengetahui dasar-dasar dan kegiatan-kegiatan kerajaan. Saya perhatikan untuk tahun 1995, Kementerian Penerangan akan mengutip hasil berjumlah RM74.83 juta daripada lesen niaga televisyen, lesen blok, iklan-iklan dan sebagainya, manakala hasil daripada pelesenan televisyen sahaja ialah hanya RM2.25 juta.

Memandangkan objektif murni Kementerian Penerangan ini dan untuk membolehkan penduduk luar bandar menikmati lebih banyak dan lebih mendalam dasar-dasar dan kegiatan-kegiatan kerajaan, saya ingin mencadangkan di sini supaya kerajaan membuat keputusan bagi:

- (i) Menghapuskan lesen televisyen sebanyak RM25 setahun supaya penggunaan televisyen akan bertambah dan lebih banyak lagi rakyat Malaysia akan dapat mengetahui dasar-dasar dan kegiatan-kegiatan kerajaan. Pada masa ini seolah-olah kerajaan meminta rakyat membayar RM25 untuk menonton bagi mengetahui kegiatan-kegiatan kerajaan melalui televisyen.

- (ii) Saya telah difahamkan bahawa negara-negara jiran di dalam ASEAN sudah pun menggunakan parabola disk yang membenarkan mereka menonton program-program yang dipancarkan daripada semua pelosok dunia dan ini membenarkan mereka mengetahui dengan mendalam segala yang berlaku di seluruh dunia. Oleh yang demikian, saya meminta supaya kerajaan membenarkan rakyat Malaysia menggunakan parabola disk supaya kita juga akan mencapai objektif utamanya iaitu bangsa bermaklumat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penghapusan sebahagian asas cukai atas pendapatan lebih 380,000 rakyat Malaysia, ini bermakna lebih banyak rakyat mempunyai wang lebih dan ini akan menolong untuk meninggikan taraf hidup mereka. Di samping itu, dengan pemberian bonus kepada lebih 800,000 kakitangan kerajaan yang akan melibatkan peruntukan RM1 bilion, ini bermakna bekalan wang dalam ekonomi akan bertambah.

Saya berharap kerajaan akan mengambil langkah supaya bekalan wang sebegitu banyak, ianya akan dilabur dengan baiknya supaya tidak menjadi fakta untuk membuat kadar inflasi melambung tinggi, yang akan menjadi bebanan kepada rakyat Malaysia sendiri.

Saya cadangkan mereka yang mendapat bonus dan tambahan pendapatan akibat pengurangan cukai, akan melabur dalam Amanah Saham Nasional ataupun Amanah-amanah Saham Negeri yang sedia ada ataupun di dalam lain-lain avenue, dengan izin, yang boleh membantu membendung kenaikan inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pemberian bonus kepada kakitangan kerajaan, saya juga ingin menyokong

cadangan Yang Berhormat dari Tawau iaitu satu golongan rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan kerajaan iaitu golongan pesara ataupun pensioners. Syabas kepada kerajaan kerana mengambil keputusan untuk memberi bonus kepada lebih 800,000 kakitangan kerajaan yang menjadi tulang belakang perkhidmatan kerajaan.

Di samping itu, golongan pesara juga pada satu ketika dahulu dalam hidup mereka, mereka juga telah berbakti kepada bangsa negara. Mereka telah memainkan peranan untuk mewujudkan landasan perkhidmatan awam yang kita warisi hari ini. Walaupun golongan ini tidak aktif lagi dalam perkhidmatan awam, ada juga di antara mereka yang masih aktif di dalam berbagai kegiatan amal dan kebajikan dalam masyarakat kita. Golongan ini sentiasa mendokong dasar-dasar dan menyokong kegiatan-kegiatan kerajaan. Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mempertimbangkan pemberian bonus satu bulan kepada pesara.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah dijanjikan oleh kerajaan dalam Belanjawan 1994 bahawa cukai korporat akan diturunkan lagi dalam tahun 1995, kali ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan telah mencadangkan cukai korporat diturunkan daripada 32% kepada 30%. Syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional. Kerajaan Barisan Nasional sekali lagi menepati janjinya. Adalah diharapkan pemain-pemain gergasi korporat akan memainkan peranan mereka untuk membantu ekonomi negara berkembang supaya rakyat dan negara akan sama-sama menikmati kemajuan ekonomi.

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan ini bahawa kerajaan telah bercadang untuk menubuhkan tabung pelaburan domestik dengan peruntukan RM1 bilion. Ini adalah satu langkah yang

bijaksana lagi berwawasan jauh kerana sudah tiba masanya bagi kerajaan di samping memperkembangkan lagi jenama Malaysia di luar negeri akan memberi bantuan, bimbingan dan galakan kepada pengusaha-pengusaha tempatan untuk mencuba dan menguji kepandaian luar biasa dan kemahiran mereka.

Adalah diharapkan dengan adanya tabung ini, banyak yang berbakat dan otak bergeliga tetapi tidak bermodal akan dapat muncul untuk merealisasikan impian mereka dalam bidang ekonomi. Saya berharap kerajaan akan mewujudkan satu sistem dengan peraturan di mana tabung ini akan diurus dan ditadbirkan tanpa mengira bangsa, kaum ataupun wilayah.

Sejajar dengan dasar pengwujudan tabung ini, saya ingin menarik perhatian kerajaan terhadap satu industri tempatan yang pada masa ini masih dianggap sebagai haram dari segi undang-undang. Industri yang saya maksudkan ialah pembuatan senapang patah. Di Sabah, industri ini saya percaya telah pun wujud sekian lama tetapi tidak dapat berkembang kerana haram dari segi undang-undang. Senapang yang dimaksudkan ini, pada masa ini dinamakan "Bakakok" dan sekarang namanya yang lain ialah "Proton Saga" kerana buatan tempatan.

Saya difahamkan, di Korea industri seperti ini iaitu backyard industry mendapat pengiktirafan dan galakan dari kerajaannya. Pada pendapat saya, jika Kerajaan Malaysia iktirafkan pembuatan senapang ini dengan melesenkan supaya kawalan kerajaan dijalankan mungkin industri ini akan berkembang kerana:

- (i) Sudah wujud suatu kemahiran walaupun pada peringkat ini, level skillnya masih elementary tetapi sudah ada skill.

- (ii) Jika sudah dilesenkan, mereka yang membuat senapang haram akan secara automatik tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh kuasa yang berkenaan dan tidak lagi menjadi haram. Apabila industri ini sudah berkembang, ianya akan menjadi sebahagian industri import substitution, dengan izin, dan akibatnya menjimatkan keluaran wang Malaysia ke luar negeri ataupun foreign exchange savings.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya mempertimbangkan:

- (i) iktirafkan industri ini dengan syarat-syarat kawalan, termasuk pelesenan;
- (ii) wujudkan satu institusi di mana pengusaha-pengusaha dilatih dari segi kualiti, keselamatan, paten dan sebagainya;
- (iii) apabila sudah diiktirafkan, kerajaan mengadakan pertandingan untuk mereka berbagai design bagi batang senapang, barrel senapang dan lain-lain parts yang ada kaitan. (*Disampuk*) Senapang patah? (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada pelancongan. Di daerah Tuaran, dalam kawasan saya, terdapat 8 buah projek pelancongan yang mana tiga sudah dilaksanakan dan beroperasi dan yang lain-lain sedang di peringkat pelaksanaan. Projek pelancongan ini akan menjadi satu industri yang akan menghasilkan sumber pendapatan bagi Kerajaan Pusat kerana cukai perkhidmatan, cukai pendapatan individu dan cukai korporat akan wujud.

Pada masa ini, prasarana bagi kawasan projek-projek pelancongan ini masih dalam kadar belum mencukupi. Saya memohon kepada kerajaan untuk memberi peruntukan bagi pembinaan prasarana bagi membantu projek-projek pelan-

congan ini membangun. Tanpa prasarana yang cukup, pelancong-pelancong tempatan dan asing tidak akan mengunjungi pusat-pusat ini. Jika ini berlaku, perniagaan pusat-pusat pelancongan ini akan merosot dan pendapatan mereka akan berkurangan dan akibatnya, Kerajaan Pusat yang rugi kerana kehilangan punca cukai.

Pengecualian cukai ke atas hasil pendapatan yang diperolehi daripada pelaburan di luar negeri yang diremit ke Malaysia adalah satu lagi cadangan yang berwawasan baik dan positif. Dengan adanya peluang seperti ini, iaitu satu sumber modal yang murah akan menambahkan lagi minat pengusaha-pengusaha tempatan melabur di tanah air yang kita cintai ini. Saya anggap ini adalah satu langkah permulaan untuk memberi amnesty kepada golongan jutawan negara untuk membawa balik ke tanah air kita wang yang masih ada di luar negeri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta gulung, Yang Berhormat.

Datuk Monggoh Orow: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Tambahan kemudahan ini, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk memberi pertimbangan kepada:

- (i) semua hasil pendapatan akibat daripada pelaburan wang yang diremit masuk ke negeri ini dikecualikan daripada cukai pendapatan bagi tempoh lima tahun. Cadangan dibuat atas sebab-sebab wang yang dibawa masuk ke tanah air adalah wang murah. Pelaburan dalam negeri mewujudkan peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia. Kerajaan boleh membuat syarat-syarat agar wang yang dibawa balik dilabur di dalam satu-satu industri atau perkhidmatan khas di mana pelabur-pelabur biasa tidak minat dan ini akan meluaskan asas ekonomi negara;

- (ii) cadangan pelepasan cukai kepada anak-anak kepada bilangan 5 orang tanpa had memang baik kepada pihak-pihak yang menikmati kerana jumlah rebate akan bertambah, tetapi di sebaliknya ada keburukan akan timbul jika rakyat Malaysia hanya memikirkan menambah bilangan anak dengan memikirkan dari segi kuantiti dan bukan kualiti semata-mata untuk mendapat kemudahan ini. Jika penduduk negara ini banyak kerana kuantiti sahaja dan tidak berkualiti, lambat laun negara sendiri akan menanggung bebannya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah lebih. Masa sudah lebih.

Datuk Monggoh Orow: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Klang.

5.34 ptg.

Tuan Fong Kui Lun (Klang): Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kecuali kerajaan, pemimpin dan Ahli Barisan Nasional, rakyat umumnya menganggap Belanjawan tahun 1995 ialah Belanjawan Pilihanraya kerana kerajaan mengambil langkah berani mengorbankan tidak kurang RM3 bilion yang menjadi hasil negara selama ini dalam berbagai bentuk hadiah bagi memancing undi rakyat jelata untuk pilihan raya umum tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun sejurus selepas pembentangan Belanjawan tahun 1995 di Dewan yang mulia ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam temuramah dengan para pemberita dan wartawan tidak mengakui yang ianya Belanjawan Pilihanraya, tetapi adalah jelas kerajaan menggunakan Belanjawan

sebagai senjata untuk mendapat sokongan rakyat dan memancing undi mereka. Kerajaan menghadapi kos melepas apabila bertindak mengorbankan sebahagian hasil kerajaan semata-mata untuk memancing undi. Untuk memenangi pilihan raya kali ini, kerajaan terpaksa menghapuskan dan mengurangkan duti import ke atas 2,600 barang. Ini sahaja sudah menyebabkan kerajaan menghadapi kehilangan hasil RM2 bilion untuk memancing undi 800,000 . . .

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Parit Sulong minta jalan. Hendak beri tak?

Tuan Fong Kui Lun: Saya ingat masa tak mengizinkan. Untuk memancing undi 800,000 kakitangan awam, bonus perlu dibayar sebelum pilihan raya — seawal-awalnya akhir November atau awal Disember depan. Bonus satu bulan gaji sahaja menyebabkan kerajaan terpaksa membayar RM1 bilion lagi. Ini tidak termasuk semakan cukai pendapatan yang menyebabkan 380,000 orang bebas dari cukai pendapatan.

Tambahan RM1 bilion lagi menjadikan dana perumahan kos rendah berjumlah RM2.6 bilion. Cukai syarikat pun diturunkan menjadikan 30%. Jika semua syarikat yang disenaraikan di BSKL diambil kira dan ditaksir keuntungan pracukai, dianggarkan RM232 bilion, maka dikurangkan cukai korporat sebanyak 2% lagi, menyebabkan kerajaan kehilangan hasil dalam lingkungan RM462 juta.

Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi, perlulah diingat bahawa rakyat sekarang bukan macam dahulu lagi. Mereka ini sudah bijak untuk membaca gerak dan langkah kerajaan, iaitu apabila cukai jualan dan perkhidmatan yang semakin

luas jangkauannya terlepas tanpa disebut-sebut untuk dikaji atau dikurangkan peratusan kadarnya. Ini bererti, kerajaan hilang hasil dari satu sumber yang boleh mendapat balik dari sumber yang lain seperti kutipan cukai jualan dan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Anggaran Hasil Persekutuan Tahun 1995, memetik muka surat 23 — Hasil Cukai Jualan ialah sebanyak RM4,114,183,268; dan Cukai Perkhidmatan ialah sebanyak RM756,801,729. Ini tidak termasuk levi pekerja asing yang dianggarkan RM300 juta dan royalti petroleum atau gas dianggarkan sebanyak RM739 juta dan berbagai lagi sumber hasil.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kerajaan heboh-hebohkan tentang mengurangkan dan menghapuskan duti import, kononnya untuk menentang arus inflasi adalah satu rekaan semata-mata untuk menggambarkan kemurahan hati kerajaan kepada rakyat. Sebenarnya, pada rakyat yang celik, mereka berasa telah tertipu oleh “Belanjawan Berimbang” namanya.

Tuan Yang di-Pertua, jika kerajaan benar-benar hendak menurunkan kadar inflasi 3.8% supaya kesan dan tekanan inflasi ke atas Indeks Harga Pengguna dikurangkan, mengapakah kerajaan tidak memberi penekanan ke atas projek penwastaaan dengan sifat monopoli telah menyebabkan kos meningkat.

Tuan Yim Chee Chong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Yang Berhormat, Seremban hendak minta jalan.

Tuan Fong Kui Lun: Saya rasa masa tak mengizinkan.

Tuan Yim Chee Chong: Perkataan itu kasar daripada bohong. Minta tarik balik “tipu” — point of order 36 (6). Sangkaan yang amat jahat.

Tuan Fong Kui Lun: Duduklah! Duduklah!

Tuan Yim Chee Chong: Tipu Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sangat serius.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Nanti sekejap Yang Berhormat. Perkataan “tipu” itu dia tujukan kepada siapa?

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, lihat sahaja caj yang dikenakan ke atas para pengguna TNB, Syarikat Telekom Malaysia, Pos, Keretapi Tanah Melayu Bhd., Indah Water Consortium, PLUS dan berbagai lagi agensi. Kesemuanya sangat tinggi, menindas dan membebankan rakyat sama ada rakyat suka atau tidak, setuju atau tidak, mereka tidak dapat lari dari menghadapi tekanan inflasi yang dibawa oleh projek-projek penwastaaan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengapakah kerajaan tidak mengambil langkah berani untuk menurunkan kadar caj perkhidmatan-perkhidmatan tersebut? Tidak ada maknanya kehidupan rakyat jika dikhabarkan berita gembira penghapusan duti import 2,600 barangan tetapi hasil penjimatan mereka terpaksa digunakan untuk membayar kos perkhidmatan lain yang tinggi. Tidak ada makna harga makanan turun tetapi kos perkhidmatan semakin meninggi.

Tuan Yang di-Pertua, jika kerajaan mendakwa ekonomi negara sudah baik, rakyat sudah berada dalam kesejahteraan, mengapakah pula takut untuk membenarkan semula rapat umum parti-parti politik? Adakah rakyat negara ini setelah 37 tahun negara mencapai kemerdekaan masih belum matang? Saya kira kerajaan silap membuat perhitungan. Jika ada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sudah mengatakan bahawa rakyat sekarang sudah jauh berubah dengan rakyat semasa tahun-tahun kemerdekaan, mengapakah kerajaan memilih jalan sukar untuk menerima hakikat bahawa rakyat negara ini mahukan kebebasan?

Tuan Yang di-Pertua, kesukaran menerima hakikat ini samalah seperti kesukaran Yang Berhormat Menteri Pengangkutan kita untuk menerima hakikat kebertanggungjawaban terhadap beberapa siri petaka dan bencana yang menimpa Lapangan Terbang Antarabangsa Subang seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Berlanjawan. Tuan Yang di-Pertua, jika sebuah jambatan runtuh ke dalam sungai di Korea Selatan yang mengorbankan 48 nyawa pada 22hb Oktober lalu menyebabkan Perdana Menteri menerima hakikat pertanggungjawaban dengan meletakkan jawatan, negara sebenarnya merasa malu mempunyai Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang tidak cekap walaupun sudah lama menjawat jawatan Menteri Pengangkutan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Parit Sulong bangun ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya hendak tanya, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang berapa kali cakup hendak jawatan tetapi tidak letak juga.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta duduk Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, isu harga ayam mahal barangkali selesai dengan berita

Tuan Yim Chee Cheong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Seremban bangun, Yang Berhormat. Seremban bangun lagi hendak minta jalan.

Tuan Fong Kui Lun: Saya rasa tidak payah.

Tuan Yim Chee Cheong: Hendak minta jalan. Ketua Pembangkang takut hendak letak jawatan.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, isu harga ayam mahal barangkali selesai dengan berita pemansuhan duti import ke atas makanan ternakan. Para peniaga tidak boleh bermain tarik tali lagi kerana kesan Belanjawan ini ke atas industri ayam ialah mereka boleh berjimat 76% dari kos pengeluaran. Kita berharap pengurangan dan penghapusan duti ini akan menghasilkan ayam-ayam segar lagi murah kerana para penternak mampu menghasilkan ternakan yang bermutu.

Saya juga ingin melahirkan kebimbangan meskipun saya mengalu-alukan pembayaran bonus sebulan gaji kepada 800,000 kakitangan awam. Tetapi yang membimbangkan saya ialah sejumlah RM1 bilion akan mengalir dalam pasaran. Sejauh mana ia akan menimbulkan kesan buruk ke atas kos makanan, barangan dan perkhidmatan? Tetapi ini telah meletakkan kuasa membeli, purchasing power, dengan izinnya, seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di tangan 800,000 kakitangan awam.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada berakhir dengan penabungan, adalah sukar untuk diramal berapa banyak yang dapat disimpan dan berapa banyak yang berpindah tangan sukar untuk ditentukan. Saya suka menggesa penguatkuasa perdagangan supaya memastikan musim durian runtuh ini akan benar-benar menguntungkan kakitangan awam, bukan merugikan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dukacita juga bagi ibu bapa yang mengharapkan wang caruman dapat dikeluarkan sebahagian untuk maksud membiayai pendidikan tinggi anak-anak mereka sama ada di dalam atau di luar negeri. Kajian perlu dibuat supaya caruman dapat dikeluarkan bagi maksud pembiayaan pendidikan tinggi anak-anak pencarum.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Belanjawan memberikan pelepasan kepada ibu bapa sebanyak RM2,000 untuk tujuan membayar yuran tahunan pengajian tinggi anak-anak mereka, ini tidaklah mencukupi bagi ibu bapa yang terpaksa bersusah-payah dan berbelanja lebih kerana kos pengajian di institusi swasta sangat mahal berbanding dengan di institusi kerajaan. Bagaimana pula ibu bapa yang tidak mampu langsung, yang tidak berjaya mendapat biasiswa untuk anak-anak mereka?

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus memikirkan ini kerana selepas Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dipinda dan diperkenalkan suatu Akta untuk mengawalselia institusi pengajian tinggi swasta bagi membolehkan pendidikan kembar pengajian tinggi luar negeri dijalankan di negara ini dan para pelajar semakin bertambah, adalah penting kemudahan dan pembiayaan pendidikan pelajar ditambah termasuk membuka pintu KWSP untuk kemudahan pengeluaran bagi maksud pendidikan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, ini dapat kita pastikan apabila merujuk Laporan Ekonomi 1994/95 muka surat 233 yang mana dalam tahun 1993 sahaja enrolmen bagi kursus ijazah meningkat menjadi 75,000 pelajar, manakala kursus diploma pula 36,200 pelajar. Bagaimana pula pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi swasta yang lain? Kita dapati angka pelajar yang dahagakan pendidikan tinggi semakin bertambah. Pendidikan sebagai aspek sosial telah menerima peruntukan terbesar iaitu RM10,221.4 juta nampaknya terlupa untuk memberi perhatian kepada pelajar-pelajar yang terkandas dalam sistem persekolahan kerajaan dan terpaksa menyambung dalam sekolah swasta. Di samping yuran persekolahan yang tinggi, mereka terpaksa memikul bayaran buku teks sekolah. Dasar pembelian buku teks percuma ini haruslah diperluaskan ke sekolah-sekolah swasta.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta gulung, Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun: Yang mana para pelajar semakin dapat menumpang kasih dari peruntukan yang besar untuk perbelanjaan pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga tidak harus lupa dengan janji-janji yang dibuat selama ini baik semasa musim kempen pilihan raya ataupun di luar musim. Tentang bantuan-bantuan yang hendak diberikan kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan baik rendah atau menengah Cina dan Tamil yang terdapat di serata tanah air. Peruntukan tambahan itu hendaklah diwujudkan secara tetap bagi memudahkan pihak lembaga pengurusan sekolah membahagikan peruntukan untuk kemudahan para pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Perundingan Akta Pendidikan yang ditubuhkan dulu yang mencari jalan mengkaji, membincang dan merumuskan suatu Akta Pendidikan yang baru sehingga kini tidak terdengar khabar berita. Apakah masalah pendidikan negara sudah selesai sehingga tidak perlu lagi majlis tersebut? Apakah kerajaan sudah

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Fong Kui Lun: . . . tenggelam punca dalam merundingkan isu pendidikan negara ini.

Sekian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Labuan.

5.50 ptg.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit (Labuan): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan segala tahniah kepada Menteri Kewangan kita kerana pembentangan yang cemerlang Belanjawan Negara pada tahun 1995. Pada hemat saya, Belanjawan kali ini yang terbaik sejak merdeka dan sekali gus menggariskan satu 'blue print' ekonomi negara di samping memberikan penekanan terhadap kepentingan nilai hidup dan nilai sejagat yang boleh diterima oleh semua.

Tuan Yang di-Pertua, 5 tahun lagi kita akan melangkah ke abad 21. Satu abad adalah persamaan dengan 100 tahun dan ini bermakna terdapat 4 generasi lagi akan mendiami muka bumi ini sepanjang tempoh tersebut. Dan kita mungkin terfikir generasi bentuk apakah yang akan lahir dalam abad tersebut sekiranya pelapis yang ada ketika ini ada dalam keadaan porak peranda dan rendah moralnya.

Para cendekiawan ada membuat andaian, apakah yang akan berlaku pada abad 21. Di antaranya ialah keazaman negara untuk terus maju dalam segenap bidang dan keadaan ekonomi yang stabil sepanjang abad dan andaian dalam Visi 2020 adalah kekal dan proses perindustrian dan teknologi tinggi meningkat nilai-nilai keagamaan dan agama akan kekal, namun terdapat gugatan keruntuhan moral dan akhlak serta kesepaduan keluarga akan terhakis. Di samping itu, mereka juga meramalkan bahawa tidak semua ahli keluarga berada pada tahap yang sama dari segi ekonomi dan psikologi yang mewujudkan ketidakseimbangan serta persaingan dalam keluarga itu sendiri manakala pengukuhan institusi keluarga mampu membantu membanteras dan mengawal keruntuhan moral masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi pembentangan Belanjawan Negara yang berurusan pada Oktober lalu, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ada

menyentuh tentang pembentukan masyarakat progresif dan seimbang. Kita semua sudah sedia maklum tentang senario dan gejala negatif yang melanda anak-anak remaja kita. Keruntuhan moral di kalangan remaja seakan membentuk retakan atau rangkaian masalah yang semakin merunsing yang perlu dibendung segera.

Tuan Yang di-Pertua, bermula dengan gejala lepak dan berpelesiran, mereka mula ponteng sekolah dan salah laku dan keadaan ini semakin buruk apabila mereka mula terlibat dalam jenayah juvana, ketagihan dadah dan mutakhir ini mereka bertindak dengan lebih berani lagi iaitu mengamalkan seks bebas yang jauh menyimpang daripada tata-budaya hidup masyarakat Timur.

Kita juga menyedari bahawa keruntuhan moral ini mengakibatkan lahirnya berbagai gejala negatif seperti pengguguran, pembuangan bayi, HIV dan lebih mengerikan lagi, AIDS. Apakah generasi ini merupakan pelapis yang akan memperjuangkan pengekalan bangsa di masa hadapan.

Masalah penyalahgunaan dadah negara ini juga semakin membimbangkan dengan 26 penagih baru didaftarkan setiap hari dan tidak kurang 180,000 penagih dikesan seluruh negara dan setakat ini termasuk 26,000 penagih yang masih dirawat di Pusat Rawatan Penagihan, Pusat Serenti.

Berdasarkan kajian, penagih di negara ini membelanjakan lebih RM800 juta setiap tahun untuk membeli berbagai jenis dadah. 72% penagih terbabit adalah remaja 17 hingga 29 tahun iaitu jarak usia produktif manusia. 65% penagih yang sudah tamat menjalani rawatan yang dilaporkan kembali semula kepada tabiat menagih.

Tuan Yang di-Pertua, perangkaan dan angka-angka yang disebutkan tadi amat menakutkan kita dan menyedarkan kita betapa perlunya suatu rangka atau strategi segera dan serta-merta untuk mengawal dan membanteras penyakit sosial yang dicetuskan oleh keruntuhan moral juvena. Dan saya amat yakin bahawa punca masalah sosial ini bermula daripada rumah dan kurang perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa dan kurang pendidikan moral agama di samping suasana kediaman yang tidak sempurna dan membosankan, merupakan faktor utama gejala tadi.

Sehubungan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan peruntukan sebanyak RM200 juta yang akan disalurkan kepada berbagai jabatan dan institusi-institusi Islam bagi membentuk masyarakat progresif dan seimbang ini disalurkan juga bagi menyediakan keluarga menjelang abad 21, dan ini melibatkan pengukuhan kembali institusi keluarga dan membantu masyarakat negara mengatasi masalah moral ini. Kedua-dua ini tidak mudah dilaksanakan dan memerlukan sokongan berbagai pihak.

Tuan Yang di-Pertua, ke arah pengukuhan kembali institusi keluarga, rumah harus menjadi faktor penarik dan pengikat institusi tersebut. Beberapa pendekatan yang saya yakin boleh dilaksanakan ialah menyediakan rumah yang selesa kepada rakyat, tatkala ekonomi sedang meningkat dengan pesat dan rumah tersebut haruslah melibatkan kos yang rendah, bererti peruntukan yang rendah tetapi kos psikologinya tinggi. Contohnya, mewujudkan suasana keceriaan di sekitar ruang di kampung-kampung dan taman perumahan, termasuklah mewujudkan kawasan rekreasi untuk mereka bersukan dan bermain permainan tradisional. Dan saya percaya kerajaan juga boleh mengekalkan jalinan komuniti masyarakat yang berjiran secara harmoni, prihatin dan penyayang.

Tuan Yang di-Pertua, nilai-nilai kekeluargaan bukanlah sekadar paparan slogan-slogan di kain-kain rentang dan papan kenyataan sahaja, sebaliknya haruslah berupa kursus-kursus pendek menerusi pelbagai saluran media dan sediakan perancangan media yang wajar dan penyampaian maklumat yang efektif.

Tabung penerbitan yang bakal ditubuhkan dengan sejumlah dana sebanyak RM20 juta untuk pinjaman mudah modal kerja bagi penerbitan penerbit-penerbit tempatan sewajarnya mempunyai matlamat kebajikan selaras dengan aspirasi kerajaan.

Penekanan nilai keluarga perlu ditingkatkan. Contohnya, menghormati insan tua manakala ibu bapa pula perlu diinsafkan bahawa mereka tidak perlu rasa bersalah atau ketinggalan zaman bila bersikap tegas dalam mendidik, terutama dari segi akhlak dan agama. Mereka juga perlu disedarkan bahawa mereka telah terlalu menyimpang apabila bersikap permissive terhadap anak-anak. Dan ini saya rasa memerlukan pendidikan masa dan media penting serta berupaya untuk membentuknya.

Tuan Yang di-Pertua, keluarga yang sempurna adalah penting. Hari ini, banyak keluarga pincang dan perlu diperbetulkan. Oleh itu, pendidikan ke arah keluarga sempurna harus disegerakan. Usaha membangunkan keluarga sempurna supaya menyumbang ke arah masyarakat, supaya masyarakat sempurna serta aktiviti masyarakat yang menguntungkan.

Dalam konteks ini, saya ingin menyarankan supaya media massa lebih beretika, kreatif dan wajar menekankan pentingnya pemimpin-pemimpin keluarga yang bertoleransi dalam sebuah keluarga dan lebih daripada itu, media massa perlu menyampaikan maklumat kreatif dan membangun dan media mudah sampai ke rumah tetapi isyarat bertentangan juga terdapat dalam media massa.

Pembentukan keluarga ideal boleh dibuat oleh media secara indirect dalam bentuk hiburan. Media massa perlu bergerak secara berhaluan dan merupakan jentera yang bergerak ke arah positivisme keluarga.

Sehubungan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan supaya:

- (i) Kerajaan memikirkan kewajaran bagi mewujudkan satu Jawatan-kuasa Kebangsaan yang antara lain, tugasnya ialah bagi meninjau media dan bidang-bidang yang belum diisi olehnya;
- (ii) Mengenal pasti daerah-daerah nilai bagi media memberi isyarat;
- (iii) Perakuan kepada kerajaan untuk ditubuhkan satu direktorat media massa; dan
- (iv) Menggubal wawasan masyarakat menerusi media massa.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan sebelum ini, krisis sosial masyarakat Malaysia kini kian meruncing dan membimbangkan kita semua. Penjelmaan pelbagai aspek kepincangan sosial ini lebih jelas dilihat di kalangan para belia. Berbagai sindrom penyakit sosial yang baru kini muncul satu demi satu. Malahan keruntuhan nilai sosial dan keretakan kepada berbagai institusi keluarga telah menjadi topik umum tanpa rawatan serius dan langkah pencegahan yang praktikal serta bersepadu matlamat sosial Wawasan 2020 mungkin tidak dapat direalisasikan.

Saya kira pengumuman mengenai persefahaman antara Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan untuk

menangani bersama masalah sosial tersebut amatlah tepat dan merupakan langkah tindak-balas yang perlu diisi secara terperinci, sistematik dan profesional.

Sebenarnya permasalahan besar masa kini tertumpu kepada aset terbesar negara iaitu generasi muda yang merupakan lebih kurang 42% dari jumlah penduduk. Merekalah yang merupakan harapan bangsa dan tiang negara, mereka adalah pewaris generasi kita dan kecemerlangan mereka di hari ini adalah kejayaan dan kebanggaan kita di hari esok. Oleh yang demikian, masa depan mereka hendaklah dirancang dengan teliti dan komprehensif. Oleh yang demikian juga, kerajaan harus mengambil kira pembangunan belia secara menyeluruh yang berkisar terhadap masalah latihan bersepadu ini.

Sebagai satu langkah untuk menangani dan mencegah masalah yang kian meruncing ini, saya ingin mencadangkan supaya satu program dirancang dan dirangka secara menyeluruh yang melibatkan belia di seluruh negara. Pembangunan secara menyeluruh yang merangkumi semua elemen adalah teras dalam menangani masalah sosial remaja di peringkat akar umbi. Di samping itu, sokongan dan sikap keprihatinan dari segenap jentera sosialisasi amat berkesan sebagai daya penggerak.

Tuan Yang di-Pertua, melalui program ini, saya ingin mencadangkan agar pakar-pakar dari agensi-agensi kerajaan dan juga swasta disatukan untuk menggembelng tenaga dan kepakaran masing-masing dalam menangani masalah ini. Dan kita seharusnya menggunakan segala kemudahan yang segi infrastruktur, pusat kemudahan latihan dan sebagainya sama ada di peringkat persekutuan ataupun di peringkat negeri untuk membantu melaksanakan program yang dirancang ini secara lebih progresif.

Kita berharap melalui kombinasi persefahaman dan kerjasama di peringkat Kementerian dan pihak swasta, maka cita-cita murni ini akan dapat membuah hasil yang cemerlang. Pihak kerajaan dan swasta hendaklah digerakkan bagi membiayai kos pembiayaan program yang menyeluruh seperti yang dirangka agar setiap program yang diatur akan dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Di samping itu, program latihan yang meliputi sasaran yang berkait rapat dengan pembangunan belia hendaklah diberikan tumpuan utama. Kumpulan-kumpulan sasar seperti ibu bapa, pendidik, pemimpin-pemimpin belia, pelajar-pelajar hendaklah mempunyai program latihan mereka yang tersendiri dan bersepadu.

Tuan Yang di-Pertua, kesan keruntuhan moral dan akhlak belia hari ini adalah berpunca daripada kegagalan institusi keluarga menangani masalah di peringkat akar umbi. Institusi keluarga hari ini seharusnya dibentuk dengan nilai-nilai murni ketimuran supaya pengukuhan peningkatan institusi keluarga mampu menangkis keruntuhan moral yang berpunca daripada masyarakat barat. Program-program keibubapaan seperti yang dikendalikan oleh agensi-agensi swasta seperti Excell Training Consultancy Sdn. Bhd., Akademi Keluarga Bahagia (AKRAB) dan program-program BTN, KBS, LPPKN dan sebagainya harus diberi perhatian dan dinilai keberkesanannya dalam memantapkan institusi keluarga hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin belia haruslah diberikan latihan-latihan dalam bidang kepimpinan, teknik penyampaian, teknik kejurulatihan, penampilan diri dan lain-lain yang boleh membantu merangsang belia-belia di bawah pimpinannya didorong ke arah yang lebih tinggi. Golongan belia yang terdiri daripada pelajar-pelajar seharusnya

diberikan latihan kemahiran yang mencukupi supaya program motivasi dan kemahiran belajar motivasi diri, membina diri dan sebagainya bagi memupuk sikap-sikap positif dan pegangan nilai-nilai hidup yang dapat menghindarkan diri daripada gejala-gejala yang negatif.

Golongan masyarakat pekerja yang terdiri daripada belia-belia yang terlibat dalam industri perkilangan, belia usahawan juga perlu didedahkan kepada corak latihan profesional yang berpegang kepada nilai-nilai 'budaya kerja cemerlang'.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta gulung ya.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Baik, Tuan Yang di-Pertua.

Akhirnya, saya ingin merumuskan bahawa program yang komprehensif, yang meliputi kesemua golongan sasaran hendaklah mengambil kira kesan jangka panjang. Pihak kerajaan dan swasta hendaklah memberikan perhatian yang serius terhadap pelaksanaan program ini. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Maran.

6.05 ptg.

Dato' Haji Mohamad bin Abdullah (Maran): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pilihan raya tidak lama lagi, mahu tidak mahu selewat-lewatnya bulan Oktober, 1995. (*Ketawa*)

Dalam tinjauan saya dari berbagai peringkat dan negeri, insya-Allah pada pilihan raya umum kali ini Barisan Nasional akan sapu bersih kerusi di seluruh kawasan pilihan raya. Memang ramai di antara parti-parti Pembangkang masih menegakkan benang yang basah.

Mereka juga mengakui mereka akan menang, tetapi di dalam mana-mana negara sekalipun, apabila kerajaan yang memerintah boleh memberi kesenangan kepada rakyatnya, maka pada fikiran saya, rakyat tidak akan engkar dan rakyat akan terus memberi sokongan kepada kerajaan yang memerintah. Dengan sebab itu, saya penuh yakin bahawa insya-Allah pilihan raya umum akan datang, kita akan dapat kejayaan yang cemerlang.

Beberapa Ahli: Ya. (Tepuk)

Dato' Haji Mohamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, Budget yang kita kemukakan kali ini, bukanlah Budget Pilihan Raya tetapi merupakan Budget biasa yang kita buat setiap tahun. Oleh kerana kerajaan memandang ekonomi kita kukuh, maka sudah barang tentu bagi kerajaan itu memberi faedahnya kepada rakyat. Maka sebab itulah Budget yang kita bentangkan kali ini merupakan Budget untuk kesenangan seluruh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi kebiasaan apabila sebuah negara telah menempa kemajuan, beberapa aspek lain mestilah diperbaiki bagi menentukan kemajuan itu akan berterusan dan akan memberi faedah kepada umum serata rakyat.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara yang berkaitan sesuai dengan Budget kita sekarang dan di masa-masa akan datang. Perkara pokok yang saya hendak sentuh kali ini ialah mengenai FELDA, kerana kawasan saya hampir 85% pengundi adalah daripada FELDA.

Setelah kita mewujudkan FELDA hampir suku abad iaitu 25 tahun, kita tidak menafikan bahawa kejayaan telah diterima oleh penduduk-penduduk FELDA sendiri, tetapi oleh kerana pembangunan yang pesat, maka kedudukan FELDA itu mestilah dikaji, sama ada dari segi tanaman semula, sama ada kita memberikan kemudahan yang lain perlu dikaji.

Ada sedikit-sebanyak masalah yang dihadapi oleh FELDA sekarang ialah masalah menanam semula. Kita telah menetapkan bahawa tiap-tiap peserta FELDA mestilah menyimpan wang untuk tananam semula dalam anggaran 20 tahun ialah RM17,000. Persoalannya ialah apakah masih tidak mencukupi wang sebanyak RM17,000 untuk ditanam semula bagi keluasan lebih kurang 10 ekar.

Saya ingin bertanya adakah kerajaan pernah membandingkan kawasan yang sama keluasannya yang ditanam semula oleh pihak swasta? Sebanyak manakah kos penanaman semula bagi membangunkan lebih kurang 10 ekar tanah tanaman semula, adakah sampai pada peringkat RM17,000?

Saya telah meninjau bahawa bagi swasta menanam semula kelapa sawit tempat-tempat yang telah ditanam kelapa sawit tidak sampai RM17,000, hanya mungkin memakan belanja RM11,000 – RM12,000. Tetapi mengapa peserta-peserta FELDA tidak mencukupi sebanyak RM17,000 untuk menanam semula? Oleh itu, saya menyarankan kepada kerajaan supaya mencari jalan, walau bagaimana sekalipun mencari jalan, supaya tanaman semula bagi FELDA, tanaman kelapa sawit hanya mungkin RM12,000 bukannya RM17,000 bagi keluasan 10 ekar.

Jadi, dengan hanya belanja RM12,000 sahaja peserta-peserta FELDA masih ada duit simpanan di tangan sebanyak RM5,000. Maka apabila belanja menanam semula hanya RM12,000 mereka masih ada wang di tangan RM5,000 maka mereka tidak perlu mengambil hutang sara hidup yang banyak bagi menampung sehingga mereka mendapat hasil tanaman yang baru. Saya menyarankan kerajaan mestilah mengambil tindakan sesuatu mengenai ini.

Perkara kedua ialah mengenai dengan ladang swasta FELDA. Pertama sekali yang terlibat ialah negeri Johor dan Pahang. Ada ura-ura pihak FELDA mahu menswastakan FELDA Plantation tidak mahu memberi tanah-tanah ini kepada peserta-peserta Rancangan. Saya membayangkan kalau sekiranya plantation ini hendak diswastakan, apakah salahnya kalau sekiranya FELDA menyerahkan kepada Kerajaan Negeri supaya kerajaan sendiri mengelolakan ladang-ladang ini, kerana apabila Kerajaan Negeri sendiri yang mengelolakan, faedahnya akan terus dapat kepada Kerajaan Negeri. Jadi, dengan sebab itu, kalaulah sekiranya banyak perkara yang mesti diatasi mengenai perkara-perkara berkaitan dengan FELDA, saya juga mencadangkan supaya pihak kerajaan menubuhkan satu badan bebas bagi mengkaji kedudukan FELDA ini pada sekarang dan masa akan datang. Cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh badan bebas ini kita akan gunakan untuk kepentingan rancangan tanah kita di masa sekarang dan akan datang yang akan memberi faedah kepada penduduk-penduduk FELDA. Saya membayangkan mungkin banyak cadangan-cadangan akan dicadangkan oleh badan bebas ini. Kalau kita membuat cadangan ataupun pihak kerajaan membuat cadangan, banyak perkara yang dipertikaikan oleh orang ramai. Tetapi kalau badan bebas membuat cadangan, saya percaya mereka akan mempersetujuinya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara untuk mengatasi kekurangan tenaga manusia bagi menjalankan perusahaan ialah kita mengadakan satu kampung ataupun satu rancangan, satu pengeluaran. Ini amat elok. Tambahan pula di rancangan, kampungnya amat tersusun. Sekiranya kita mengadakan satu industri hanya mengeluarkan satu barangan di satu rancangan, saya membayangkan kita boleh mengatasi tenaga kerja, di samping itu

juga kita akan memberikan tambahan pendapatan kepada kampung dan juga rancangan. Jadi, saya mencadangkan supaya kerajaan menjalankan dengan segera satu rancangan ataupun satu kampung, satu pengeluaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga untuk masuk bersama membincangkan mengenai keluarga penyayang. Setelah saya meninjau sesuatu keluarga yang berjaya dalam hidupnya, bukan terletak kepada kewangan yang banyak semata-mata, bukannya terletak kepada kekayaan semata-mata. Tetapi kejayaan hidup bagi satu keluarga itu ialah datangnya dari keluarga penyayang. Adakah pernah kita sendiri membayangkan ataupun membuat satu perancangan bagaimana kita hendak membina keluarga kita sendiri supaya anak-anak kita menjadi orang yang berguna dan sanggup berkhidmat kepada bangsa, agama dan negara. Kadang kala kita pandai bercakap kepada orang lain, tetapi kita sebagai keluarga tidak pernah memikirkan untuk menentukan supaya keluarga kita sendiri akan berjaya.

Di sini mungkin kita boleh buat sesuatu. Di antaranya ialah kita menggalakkan supaya keluarga kita mengadakan satu majlis keluarga, iaitu mengadakan majlis keluarga tiap-tiap keluarga. Apa salahnya kita sendiri mengadakan majlis keluarga sesama kita. Kita menunjukkan tanda sayang kepada isteri dan anak-anak kita. Tetapi ada di antara kita sekarang, kalau kita ada di luar, tetapi anak kita duduk di dapur dan tidak hendak bercakap dengan bapanya sendiri.

Maka di atas pemisahan inilah yang menjadikan anak-anak kita renggang dengan keluarga dan mereka akan melakukan apa-apa yang mereka suka. Tetapi kalau kita pernah dan sentiasa menunjukkan kasih sayang kepada mereka, saya percaya mereka akan hormat dan sayang kepada kita. Sebab itu apabila

kita mengadakan majlis keluarga, di hari itu kita akan melahirkan perasaan sayang kepada anak-anak kita, di hari itu kita akan peluk anak kita dan membisik kepada mereka bagaimana sayang kita kepada anak-anak kita. Maka saya percaya anak-anak kita akan menurut perintah kita dan akan membelajar bersungguh-sungguh untuk menentukan mereka akan menjadi warganegara yang berguna pada masa akan datang.

Tetapi kalau sekiranya kita tidak mengendahkan, kita tidak respect kepada mereka, kita tidak tunjukkan kasih sayang kepada mereka, bagaimana mereka hendak menunjukkan sayang kepada kita. Sebab itu kalau kita mahu keluarga kita; anak kita sayang kepada kita, mestilah kita menunjukkan hormat dan sayang kepada mereka. Insya-Allah ini boleh berjaya. Kalau dua isteri, kita buat dua hari majlis keluarga, (*Ketawa*) iaitu isteri yang tua dan isteri yang muda. Kalau boleh kita satukan semua isteri-isteri yang kita ada di satu rumah dan menunjukkan kita sayang kepada semua isteri-isteri dan anak-anak kita semua. (*Ketawa*) Saya percaya kalau ini boleh dilakukan, insya-Allah masalah gejala masyarakat yang kita tempoh di hari ini akan dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, PAS adalah merupakan satu parti. Tetapi di hari ini PAS telah keterlaluan, lebih menyeleweng daripada Arqam sendiri. Mereka sanggup melakukan apa sahaja untuk mencari kemenangan pilihan raya, sanggup mengada-adakan benda yang bukan-bukan sehingga kadang kala aqidah mungkin menyeleweng. Saya takut kalau perkara ini diteruskan, bukan sahaja akan menjatuhkan maruah orang Islam itu sendiri, tetapi mereka juga akan berpaling aqidah. Apa tidaknya kalau sekiranya mereka mendakwa, kalau tidak mengundi PAS tidak masuk syurga. Adakah ini tidak akan menyelewengkan aqidah. Mereka

mengatakan .kalau tak masuk PAS, tak masuk Islam. Tidakkah ini akan menyelewengkan aqidah? Maka saya menyerulah kepada pemimpin-pemimpin PAS supaya menasihati kepada pengikut-pengikut mereka supaya jangan keterlaluan.

Tuan Yang di-Pertua, hudud PAS adalah satu hudud yang banyak bermotif politik bukannya hudud sebenar dan hanyalah satu mainan politik untuk mereka mencari kemenangan. Sebenarnya yang mereka kemukakan itu ialah Kanun Jenayah Syariah II Kelantan. Mereka telah memakai Kanun Syariah I Kelantan tanpa mendapat izin daripada Kerajaan Persekutuan. Tetapi apabila mereka hendak menggunakan Kanun Jenayah Syariah II, mengapa perlu pula mereka hendak mendapat izin daripada Kerajaan Persekutuan. Kalau mereka telah membuatkan kanun ini, mereka boleh melaksanakan tanpa izin daripada sesiapa. Tetapi oleh kerana kesedaran mereka kalau mereka menjalankan kanun ini, mereka akan melakukan sesuatu perkara mungkin melakukan kezaliman, mereka juga tidak sanggup dan menyalahkan kepada Kerajaan Persekutuan. Ini adalah mainan politik yang sengaja diadakan oleh mereka.

Dalam Kanun Jenayah mereka mengatakan umur baligh adalah 18 tahun. Setahu saya, orang yang baligh bagi kita biasa 15 tahun, kadang kala tak sampai 15 tahun. Kalau orang-orang perempuan kadang kala 10 tahun sudah baligh. Jadi, siapa hendak menanggung dosa kalau hendak menunggu masa 18 tahun sekiranya mereka melakukan jenayah. Ini juga tidak menepati kehendak Islam. Lepas itu Kanun Jenayah ini mengatakan kalau berlaku apa-apa kesalahan dalam Islam, zina misalnya, orang Islam sahaja akan dihukum. Tetapi semasa Rasulullah s.a.w. sendiri apabila orang Yahudi dengan Yahudi melakukan zina, maka kedua-dua orang Yahudi ini telah dihukum. Jadi, di mana keadilannya Kanun Jenayah yang dijalankan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta gulung, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohamad bin Abdullah: Saksi pula ada 4 orang. Kalau seorang menarik diri, maka 3 orang ini akan dihukum. Rogol pun begitu juga, walaupun dengan paksa. Yang kena rogol tidak akan diberi peluang untuk membela diri. Jadi, inilah semuanya kita membayangkan kalau tak kena jalannya akan berlaku ketidakadilan kepada orang Islam sendiri. Sebab itulah kita mengatakan kalau hendak menjalankan hukum ini mestilah cukup lengkap dan sebagainya.

Saya percaya perlulah Kerajaan Kelantan memikirkan sebenarnya sebaik-baik mungkin kalau hendak menjalankan perkara-perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Petaling Jaya.

6.09 ptg.

Dr. Kua Kia Soong (Petaling Jaya): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, manakala Belanjawan 1995 kelihatan menarik terhadap mereka yang senang tergoda mengenai ekonomi itu, mereka yang pernah membaca Laporan Ekonomi Kementerian Kewangan 1994/1995 akan mendapati bahawa terdapat ciri-ciri di mana ekonomi Malaysia adalah jauh daripada cerah.

Pertamanya, defisit akaun perdagangan dan perkhidmatan 'trade and service' yang diperbesar secara pesat menunjukkan bahawa cara perindustrian yang diikuti oleh kerajaan melalui penggantungan secara 'wholesale', dengan izin, pada kapital luar negeri dan dicirikan oleh cara penswastan yang diragui adalah sangat dipersoalkan.

Tuan Yang di-Pertua, penunjuk ekonomi ini menjustifikasikan kritikan kami terhadap Dasar Perindustrian kerajaan sepanjang masa ini pendedahan ketidak-tetapan 'irregularities', dengan izin, dengan dalam penswastan salah pengurusan yang serius, rasuah dan pembelian kelengkapan yang dipersoalkan.

Pertama, salah pengurusan yang serius dan penipuan dalam KTM.

Tuan Yang di-Pertua, ketidakcekapan, salah pengurusan dan penipuan adalah apa yang kita menentang jika kita melihat apa yang berlaku dalam KTM sekarang. Dalam ucapan saya dalam perdebatan Rang Undang-undang memansuhkan Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Keretapi Tanah Melayu pada 17hb Oktober 1994, saya membangkitkan soalan yang mengelilingi kelewatan dalam sistem pengangkutan KTM, perkhidmatan KTM yang amat tidak memuaskan dan akaun KTM yang tidak konsisten. Apabila saya mengemukakan keadaan KTMB yang memeranjatkan, Timbalan Menteri Pengangkutan dan setengah Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional lebih berminat untuk mencari siapa yang memberi maklumat tentang akaun KTMB kepada saya 'witch hunt', dengan izin, daripada mementingkan keadaan KTMB yang memeranjatkan. Saya pasti Wang Ah Shih yang disebutkan oleh Menteri Kewangan mesti tertarik hati melihat keadaan ini.

Jelasnya jawapan Timbalan Menteri kelihatan telah diselewengkan oleh Pengurusnya dalam KTMB. Saya menyeru beliau sekurang-kurangnya membaca Laporan Tahunan KTMB 1993.

Yang pertama, sistem pengangkutan ataupun commuter system yang dilambatkan, pertama sekali, beliau menanyakan saya sama ada saya faham apa yang saya ucapkan apabila saya kata bahawa sistem pengangkutan (commuter system) itu lewat. Mengikut Timbalan

Menteri, terdapat commuter system dan projek pengelektrikan yang berasingan. Beliau berkeras mengatakan bahawa projek elektrifikasi tidaklah lewat tetapi saya merujuk perhatian Timbalan Menteri kepada pakej 'F' dalam projek khas pada muka surat 22 daripada Laporan Tahunan KTMB 1993.

Pakej ini meliputi sistem pengelektrikan, ia berbunyi: "Dalam akhir tahun 1993, 27% daripada pakej telah disiapkan secara fizikal".

Ini sebenarnya tidak betul langsung. Laporan Tahunan 1993 adalah menyeleweng kerana kita tahu pada akhir November 1993 Menteri Pengangkutan hanya menanam tiang pertama untuk memulakan projek itu adalah jelas ternyata di bawah pakej 'S'. Sistem pengangkutan yang mengandungi kerja landasan ataupun track work, jambatan dan terowong yang ditingkatkan, penandaan ataupun signalling dan pengelektrikan dan juga rolling stock iaitu 18 set EMU.

Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri juga cuba menerangkan bahawa kelewatan adalah disebabkan oleh keputusan yang lewat untuk menukar kepada pengelektrikan dan keperluan untuk menyelesaikan masalah setinggaan di sepanjang kerja itu. Ini adalah menyeleweng sekali lagi. Keputusan untuk mengubah kepada pengelektrikan telah dibuat pada tahun 1990 dan kereta api elektrik telah pun disebutkan dalam *Penyata Rasmi* dalam tahun 1992.

Selepas membangkitkan masalah setinggaan Timbalan Menteri nampaknya berkata bahawa kerja landasan ataupun track work belum siap lagi. Ini adalah di mana beliau sendiri yang berkeliruan dari segi penglibatan kejuruteraan, pengelektrikan ataupun overhead catenary system adalah dibina di atas landasan. Maka sekiranya landasan telah siap,

kenapa masih terdapat masalah setinggaan? Malah jika kita mengikut penjelasan Timbalan Menteri, sekiranya KTMB telah mengetahui masalah setinggaan kenapakah mereka menulis dalam spesifikasi yang terkandung dalam tender pengelektrikan bahawa ia akan bermula khususnya dalam Oktober 1993? Dan dikatakan pada masa itu sektor utara dari Rawang ke Sentul/Kuala Lumpur harus sudah siap. Dalam dokumen tender ia khususnya menentukan bahawa terdapat hukuman yang keras terhadap apa-apa kelewatan. Sekiranya setinggaan-setinggaan adalah sebab kelewatan maka Sapura iaitu kontraktor yang kita sebut, bolehlah mendakwa KTMB.

Di sini, saya ingin bertanya sekiranya bukanlah kontraktor yang terlibat dalam projek ini yang menjadi iaitu ABB-Sapura menilai rendah, undervalue harga dalam tender mereka dan walaupun rakan luar negeri ABB itu, mungkin ia baik dari segi perlengkapan tetapi mereka tidak mempunyai apa-apa pengalaman dalam segi persediaan asas tempatan ataupun ground work.

Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri dalam jawapan akhirnya juga membayangkan bahawa kita telah memesan kereta api elektrik sebelum pengelektrikan. Ini menunjukkan perancangan yang kurang baik. Sejauh pakej yang berkenaan bukan sahaja pengelektrikan telah dilewatkan tetapi komponen penandaan ataupun signalling juga telah dilewatkan. Dan kontraktor yang diberikan kontrak penandaan iaitu Sapura, walaupun baik dari segi komunikasi dan telefon, tetapi ia juga tidak mempunyai pengalaman dalam penandaan dan pengelektrikan. Saya pasti bahawa saya tidak perlu menekankan kepentingan sistem penandaan yang baik dari segi pencegahan perlanggaran. Landasan kembar ataupun double tracking sahaja tidak akan mencegah perlanggaran. Ini boleh ditunjukkan dalam apa-apa yang berlaku di Indonesia dan Britain baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, jelasnya, Pengurus KTMB telah mengelirukan Timbalan Menteri, haruslah diperhatikan bahawa RM400 juta daripada perbelanjaan sektor perkhidmatan ekonomi dalam Belanjawan 1995 ini adalah digunakan untuk landasan kembar dan projek pengelektrikan.

Yang kedua, perkhidmatan KTMB yang menyedihkan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya memetik pemerhatian seorang Penjaga Kereta Api KTMB veteran Mr. R. Thevan yang diwawancara dalam *The New Straits Times* pada 15hb Ogos 1994, yang membuat kenyataan tentang ketidak-tetapan masa kereta api dan penyelenggaraan enjin yang tidak baik, Timbalan Menteri bertanya, berapa beratnya pandangan seseorang itu? Di sini saya ingin merujuk Timbalan Menteri kepada Laporan Tahunan KTMB 1993 sekali lagi, iaitu kata-kata Pengerusinya sendiri iaitu Tan Sri Selvarajah yang terdapat dalam muka surat 8 yang berbunyi, I quote: "The low availability rate of locomotive has forced KTMB to consider other alternative forms of multipower arrangements. This shortcoming has been the single major factor which has hampered KTMB's operation over the years".

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Pengurus KTMB, Dato' Abdul Rahim Othman telah menggunakan alasan persaingan Lebuhraya Utara/Selatan sebagai sebab penurunan penumpang

kereta api dan volume pengangkutan ataupun freight tetapi macam manakah dia menjelaskan fakta bahawa negara lain yang mempunyai lebuhraya (highways) lebih baik seperti Amerika Syarikat yang perkhidmatan kereta api mereka pun beruntung. Malah perkhidmatan kereta api di India, Kowloon, Canton, Queensland, Pakistan juga beruntung. Di Amerika Syarikat pendapatan yang terbesar daripada perkhidmatan kereta api mereka adalah freight, manakala di sini volume freight telah menurun.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah menyebut dalam ucapan saya yang lepas

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa untuk hari ini telah cukup.

Dr. Kua Kia Soong: Okay!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila sambung pada minggu hadapan untuk selama 5 minit.

Dr. Kua Kia Soong: Okay, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga hari Isnin minggu depan pada pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.